



CANSELERI

LAPORAN TAHUNAN
UNIVERSITI MALAYA **2019**

UNIVERSITI MALAYA

LAPORAN
TAHUNAN



LAPORAN TAHUNAN
UNIVERSITI MALAYA **2019**

Kandungan

1. Latar Belakang	iii
2. Maklumat Korporat	vii
3. Laporan Naib Canselor	17
4. Akademik dan Antarabangsa	33
5. Penyelidikan dan Inovasi	51
6. Hal Ehwal Pelajar	69
7. Pembangunan Sumber Manusia	79
8. Pembangunan Infrastruktur	85
9. Pembangunan Koleksi	99
10. Kewangan	105





01 | LATAR BELAKANG

Visi

Untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

Misi

Untuk memajukan ilmu pengetahuan dan pembelajaran melalui penyelidikan dan pendidikan berkualiti untuk negara dan kemanusiaan.

Nilai-Nilai Teras

- Integriti
- Hormat
- Kebebasan Akademik
- Berfikiran Terbuka
- Kebertanggungjawaban
- Profesionalisme
- Meritokrasi
- Semangat Kerja Berpasukan
- Kreativiti
- Tanggungjawab Sosial

Polisi Kualiti

Universiti Malaya beriltizam untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dan menyediakan perkhidmatan berkualiti di peringkat global, menjana dan meningkatkan ilmu pengetahuan melalui usaha penambahbaikan berterusan untuk manfaat semua pemegang taruh, khususnya pelajar Universiti Malaya.

Piagam Pelanggan

Kami komited untuk:

- Menghasilkan graduan berkualiti melalui pengalaman dan pembelajaran yang transformatif dan kondusif.
- Menerajui pengetahuan termaju melalui kerja-kerja penyelidikan dan perundingan.
- Menyediakan sumber terancang untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran dan penyelidikan.
- Memupuk dan mengurus bakat untuk keperluan negara.
- Terlibat secara aktif dalam usaha-usaha pembangunan negara dan masyarakat setempat.
- Menyediakan penyelesaian dan kapasiti pengetahuan kepada pihak industri dan organisasi.
- Mengantarabangsakan universiti untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

Matlamat Pendidikan

Siswazah Universiti Malaya akan berkeupayaan untuk:

- Menunjukkan bahawa mereka berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengajian mereka, penyelidikan dan amalan profesional serta proses pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah.
- Menggunakan kaedah yang berkesan termasuk teknologi semasa untuk menguruskan maklumat, mencapai kepelbagaian matlamat profesional selaras dengan piawaian profesional serta membuat keputusan berdasarkan maklumat dan hasil penyelidikan.
- Melibatkan diri dalam pembangunan sendiri dan pembangunan profesional secara berterusan, menyokong pembangunan profesional orang lain dan menunjukkan sikap kepimpinan dan profesional yang positif serta berbudi pekerti bagi amalan yang berkesan.
- Berkomunikasi secara berkesan dengan ahli profesional yang lain dan masyarakat, dan mempamerkan wawasan jelas terhadap tanggungjawab sosial.
- Menghayati dan sentiasa berpandukan nilai-nilai teras Universiti Malaya iaitu integriti, hormat, kebebasan akademik, berfikiran terbuka, kebertanggungjawaban, profesionalisme, meritokrasi, semangat kerja berpasukan, kreativiti dan tanggungjawab sosial.



Selayang Pandang

Universiti Malaya (UM) merupakan universiti pertama ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada 8 Oktober 1949, menggabungkan King Edward VII College of Medicine (ditubuhkan pada 1905) dan Raffles College (ditubuhkan pada 1928).

Penubuhannya menjadi pemacu kepada kemajuan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu sehingga tertubuhnya dua cawangan yang memiliki autonomi mereka sendiri, yang terletak di Kuala Lumpur dan Singapura, pada tahun 1959. Bagi memperkukuhkan pendidikan tinggi di kedua-dua negara, status universiti cawangan perlu dinaik taraf kepada universiti awam. Dengan lulusnya Akta Universiti Malaya pada tahun 1961 oleh Parlimen, UM telah diiktiraf sebagai universiti awam di Malaysia.

UM yang dikenali pada hari ini, secara rasminya diiktiraf sebagai universiti awam untuk Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Januari 1962. Matlamat awalnya untuk menyediakan pendidikan tinggi kepada penduduk Tanah Melayu telah berjaya melahirkan pemimpin dan intelektual dalam pelbagai bidang. Ketika Malaysia melalui pelbagai proses transformasi dalam dunia pendidikan, UM terus melipatgandakan usahanya bagi menjayakan visi untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

Dalam menjayakan wawasan murni ini, UM ditunjang oleh dua akademi, tiga belas fakulti, tiga institut dan tiga pusat akademik yang merangkumi bidang perubatan, sains, teknologi serta sains sosial dan sains kemasyarakatan. UM juga mempunyai hospital pengajaran yang pertama dan

terbesar di Malaysia iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Selain daripada itu, dalam usahanya memangkin penemuan dan perkembangan ilmu, Kluster Penyelidikan telah diwujudkan. Penubuhan kluster ini menawarkan penemuan terbaharu dan penyelesaian terkini dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap bidang penyelidikan diperkukuhkan dengan penubuhan pusat-pusat kecemerlangan di pelbagai pusat pengajian. Pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan komersialisasi menjadi tonggak usaha UM dalam menyumbang kepada dunia akademik dan masyarakat.

Berpegang utuh dengan aspirasi nasional, UM terus memantap dan memperkukuhkan kedudukannya dalam dunia akademik, baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. UM berjaya menempatkan dirinya dalam kalangan 100 universiti terbaik dunia apabila berada pada kedudukan ke-70 dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2019/2020. Bagi QS Asia University Rankings 2019/2020 pula, UM berada pada kedudukan ke-13. Selain itu, tiga subjek di UM turut tersenarai dalam kelompok 50 terbaik dunia oleh QS World University Rankings by Subject 2019, iaitu *Library & Information Management*, *Development Studies* dan *Electrical & Electronic Engineering*. Dalam QS Graduate Employability Rankings 2019, UM berada dalam kelompok

161-170 di dunia. UM juga kekal sebagai institusi bertaraf 5 Bintang berdasarkan QS Stars University Rating System.

Tidak pernah alpa dengan segala pencapaian yang ada, UM terus memperkukuhkan kedudukannya dengan meraih pelbagai pengiktirafan antarabangsa, antaranya:

- berada di kedudukan kelompok 301-350 bagi Times Higher Education (THE) World University Rankings 2019/2020, kedudukan ke-38 untuk THE Asia University Rankings 2019, kedudukan ke-18 untuk THE Emerging Economies University Rankings 2019 dan di kedudukan kelompok 101-200 untuk THE University Impact Rankings 2019;
- berada dalam kedudukan band 301-400 universiti terbaik dunia di Academic Ranking of World Universities (ARWU) 2019;
- berada di kedudukan ke-34 terbaik dunia, ke-5 di Asia dan ke-6 bagi Latar Kampus di Pusat Bandar dalam UI GreenMetric World University Rankings 2019 berdasarkan usaha kelestarian kampus hijau dan pengurusan alam sekitar; dan
- berada di kedudukan ke-352 di dunia serta di kedudukan ke-53 di Asia dalam Ranking Web of Universities (Webometrics) 2019 (Edisi Julai).

Kesemua pencapaian dan pengiktirafan yang diraih jelas menobatkan UM sebagai universiti terbaik di Malaysia dan antara terbaik di pentas dunia.

Sejak penubuhannya pada tahun 1949, UM telah berjaya melahirkan kira-kira 200,000 modal insan di negara ini. Antara pemimpin dan ikon yang telah dilahirkan oleh UM adalah YAB Tun Dr. Mahathir Mohammad (Perdana Menteri), YABhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi (Mantan Perdana Menteri), YB Dato' Seri Anwar Ibrahim (Mantan Timbalan Perdana Menteri), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Mantan Gabenor Bank Negara Malaysia), YBhg. Tan Sri Dr. Lim Wee Chai (Pengerusi Eksekutif Top Glove Corporation Bhd.), YBhg. Datuk Profesor Dr. Harith Ahmad (Profesor Ulung Negara), mendiang Tan Sri Profesor Emeritus Khoo Kay Kim (Sejarawan Negara), Allahyarham Datuk Sudirman Hj. Arshad (Seniman Negara), YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah (pakar motivasi), YBhg. Datuk Aznil Haji Nawawi (personaliti televisyen), Cheryl Samad (personaliti televisyen), Pandelega Rinong Anak Pamg (atlet terjun negara dan pemenang Olimpik), Shalin Zulkifli (bekas jaguh boling negara) dan ramai lagi tokoh tersohor negara.

Sebagaimana tradisi dan amalan universiti-universiti antarabangsa yang lain, UM turut komited dan cemerlang dalam menjalinkan usahasama dengan institut penyelidikan dan universiti terkemuka dunia di 71 buah negara. Antara universiti ternama antarabangsa yang menjalinkan kerjasama secara aktif dengan UM adalah:

- Massachusetts Institute of Technology
- National University of Singapore
- The University of Hong Kong
- The Australian National University
- Kyoto University
- Seoul National University
- Technical University of Munich
- University of Glasgow
- Indian Institute of Technology Bombay
- University of Sharjah

Bagi memastikan kurikulum akademiknya menepati kehendak serta keperluan nasional dan antarabangsa, UM telah berjaya memperoleh akreditasi daripada pelbagai institusi dan badan profesional antarabangsa. Di peringkat nasional, kesemua program akademik di UM memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan profesional tempatan. Di peringkat antarabangsa pula, antara institusi dan badan profesional yang memberikan akreditasi kepada UM adalah Washington Accord, Institution of Chemical Engineers, Royal Institution of Chartered Surveyors, Association of Building Engineers, Royal Institute of British Architects, Association of Chartered Certified Accountants, Chartered Institute of Management Accountants, Institute of Chartered Accountants England and Wales, Certified Practising Accountants of Australia, SMBG-Eduniversal France, Royal College of Surgeons of England, Institute of Physics and Engineering in Medicine, Association of MBAs, Association to Advance Collegiate Schools of Business, Royal Society of Chemistry dan banyak lagi. Pengiktirafan yang diterima ini membuktikan bahawa program akademik yang ditawarkan di UM bukan sahaja relevan dan signifikan dalam negara malah turut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2018, UM juga menerima pengiktirafan serantau melalui penilaian institusi oleh ASEAN University Network-Quality Assurance (AUN-QA). Ini merupakan testimoni penting dan menjadi jaminan kualiti UM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berprestij dan bereputasi cemerlang di peringkat antarabangsa.

Sebagai universiti terulung di negara ini, UM akan terus meningkatkan usaha agar berada pada takuk yang lebih tinggi di peringkat tempatan mahupun antarabangsa sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang diiktiraf, dihormati dan disegani dunia.



02 | MAKLUMAT KORPORAT

Canselor



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah

Pro-Canselor



Toh Puan Dato' Seri Hajjah
Dr. Aishah Ong



Tan Sri Dato' Seri
Siti Norma Yaakob



Tan Sri Dato' Seri DiRaja
Ramli Ngah Talib

Lembaga Pengarah Universiti

PENGERUSI
YM Tengku Datuk Dr.
Mohd Azzman Shariffadeen
Tengku Ibrahim



NAIB CANSOLOR
Datuk Ir. (Dr.)
Abdul Rahim Hj. Hashim



Ar. Saifuddin
Ahmad



Dr. Sivabalasingam
a/l Veerasingam



Profesor Dr.
Rofina Yasmin Othman



Dato' Ahmad
Nazri Abdullah



Dato' Dr. R. Thillainathan



Tan Sri Zarinah Anwar



SETIAUSAHA
Dr. Susheela Nair

Pengurusan Universiti



NAIB CANSOLOR
Datuk Ir. (Dr.)
Abdul Rahim Hj. Hashim



**TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK &
ANTARABANGSA)**
Profesor Dr. Kamila Ghazali



**TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR)**
Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz
Abdul Raman



**TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(PENYELIDIKAN &
INOVASI)**
Profesor Dr. Noorsaadah
Abd. Rahman



**TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(PEMBANGUNAN)**
Profesor Dr. Faisal
Rafiq Mahamd Adikan*



PENDAFTAR
Dr. Susheela
Nair



BENDAHARI
Encik Wan Mohd Sofi
Wan Mustapha



**KETUA
PUSTAKAWAN**
Dr. Khasiah Zakaria



**PENGARAH
PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
MALAYA**
Profesor Dr. Tunku
Kamarul Zaman
Tunku Zainol Abidin

*Telah dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Sains Malaysia mulai 4 Oktober 2019.
Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Raman telah dilantik untuk menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UM mulai 7 Oktober 2019.

Penolong Naib Canselor



**PENOLONG
NAIB CANSELOR
(ANTARABANGSA)**
Profesor Dr.
Yong Zulina Zubairi



**PENOLONG
NAIB CANSELOR
(PENYELIDIKAN &
INOVASI)**
Profesor Dr. Shaliza
Ibrahim



**PENOLONG
NAIB CANSELOR
(JARINGAN
INDUSTRI &
MASYARAKAT)**
Profesor Dr.
Rofina Yasmin
Othman

Pegawai Utama Pusat Tanggungjawab Akademik

Akademi Pengajian Islam

Datin Profesor Dr. Raihanah Hj.
Abdullah
Pengarah

Akademi Pengajian Melayu

Profesor Madya Dr. Puteri Roslina
Abdul Wahid
Pengarah

Fakulti Alam Bina

Profesor Madya Dr. Yahaya Ahmad
Dekan

Fakulti Bahasa dan Linguistik

Profesor Madya Dr. Jariah Mohd Jan
Dekan

Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran

Profesor Dr. Edmund Terence Gomez
Dekan

Fakulti Farmasi

Profesor Madya Dr. Hasniza Zaman
Huri
Dekan

Fakulti Kejuruteraan

Profesor Dr. Saad Mekhilef
Dekan

Fakulti Pendidikan

Profesor Dr. Rohaida Mohd Saat
Dekan

Fakulti Pergigian

Profesor Dr. Sabri Musa
Dekan

Fakulti Perniagaan dan Perakaunan

Profesor Dr. Che Ruhana Isa
Dekan

Fakulti Perubatan

Dato' Profesor Dr. Adeeba
Kamarulzaman
Dekan

Fakulti Sains

Profesor Dr. Ismail Yusoff
Dekan

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Datin Profesor Dr. Sameem Abdul
Kareem
Dekan

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Datuk Profesor Dr. Danny Wong Tze
Ken
Dekan

Fakulti Undang-Undang

Dato' Profesor Madya Dr. Johan
Shamsuddin Hj. Sabaruddin
Dekan

Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan

Profesor Dr. Shakila Parween Yacob
Pengarah Eksekutif

Institut Asia-Eropah

Profesor Madya Dr. Jatswan Singh
Harnam Singh
Pemangku Pengarah Eksekutif

Institut Pengajian Termaju

Profesor Dr. Zulqarnain Mohamed
Dekan

Pusat Asasi Sains

Dato' Profesor Dr. Mohd Jamil Maah
Pengarah

Pusat Kebudayaan

Profesor Madya Dr. Mohd Nasir
Hashim
Pengarah


Pusat Sukan dan Sains Ekseais

Profesor Madya Dr. Abdul Halim
Mokhtar
Pemangku Pengarah

Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya

Dr. Amirrudin Kamsin
Pemangku Pengarah

Carta Organisasi




*AKADEMI/ FAKULTI/ PUSAT/ INSTITUT

- AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
- AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
- FAKULTI ALAM BINA
- FAKULTI BAHASA & LINGUISTIK
- FAKULTI EKONOMI & PENTADBIRAN
- FAKULTI FARMASI
- FAKULTI KEJURUTERAAN
- FAKULTI PERGIGIAN
- FAKULTI PERNIAGAAN & PERAKAUNAN
- FAKULTI PENDIDIKAN
- FAKULTI PERUBATAN
- FAKULTI SAINS
- FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT
- FAKULTI UNDANG-UNDANG
- FAKULTI SASTERA & SAINS SOSIAL
- PUSAT SUKAN & SAINS EKSESAIS
- PUSAT KEBUDAYAAN
- PUSAT ASASI SAINS
- INSTITUT PENGAJIAN TERMAJU
- INSTITUT ASIA-EROPAH
- INSTITUT ANTARABANGSA POLISI AWAM & PENGURUSAN (INPUMA)

**KOLEJ KEDIAMAN

- KOLEJ KEDIAMAN TUANKU ABDUL RAHMAN
- KOLEJ KEDIAMAN TUANKU BAHYIAH
- KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH
- KOLEJ KEDIAMAN BESTARI
- KOLEJ KEDIAMAN DAYASARI
- KOLEJ KEDIAMAN IBNU SINA
- KOLEJ KEDIAMAN ZA'BA
- KOLEJ KEDIAMAN KINABALU
- KOLEJ KEDIAMAN TUN SYED ZAHIRUDDIN
- KOLEJ KEDIAMAN TUN AHMAD ZAIDI
- KOLEJ KEDIAMAN UNGKU AZIZ
- KOLEJ KEDIAMAN RAJA DR. NAZRIN SHAH
- KOLEJ KEDIAMAN NILAM PURI
- LUAR KAMPUS


*****KLUSTER PENYELIDIKAN**

- INNOVATIVE INDUSTRY & SUSTAINABILITY SCIENCE
- HEALTH & WELL-BEING
- FRONTIERS OF THE NATURAL WORLD
- SOCIAL ADVANCEMENT & HAPPINESS

******PUSAT PENYELIDIKAN**

- INSTITUT PENGAJIAN CHINA (ICS)
- PUSAT PENYELIDIKAN HALAL UM (UMHRC)
- PUSAT FIZIK ZARAH KEBANGSAAN (NCPP)
- PUSAT DIALOG PERADABAN
- CENTRE OF PRINTABLE ELECTRONICS (CPE)
- PUSAT PENYELIDIKAN ARTARCTIC KEBANGSAAN (NARC)
- CENTRE FOR INTEGRATED STEM EXPLORATION (UM STEM)
- CENTRE FOR RESEARCH IN INDUSTRY 4.0 (CRI4.0)



UNIVERSITY OF MALAYA



03 | LAPORAN NAIB CANSOLOR

Menyingkap tirai 2019 yang telah berlabuh, pelbagai kisah dan peristiwa telah dirakamkan oleh Universiti Malaya (UM) melalui jerih perih usaha yang tidak berbelah bahagi seluruh warganya. Segala yang dirancang dan dicapai sepanjang 2019 merupakan bukti kesungguhan dan iltizam UM dalam memartabatkan ilmu sebagai sebuah institusi menara gading terulung di Malaysia dan juga di persada antarabangsa. Sokongan dan dorongan dari pelbagai pihak berkepentingan seperti Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia, Lembaga Pengarah Universiti serta pihak industri dan majikan turut memainkan peranan dalam perancangan Universiti Malaya melakar pencapaian cemerlangnya.

Dalam usaha meneruskan prestasi terbaik dan meningkatkan kecemerlangannya, segala perancangan yang dilaksanakan oleh UM sentiasa berlandaskan kepada pelan strategik universiti 2016-2020 yang telah dibentuk melalui perancangan yang teliti mengambil kira pandangan dan buah fikiran pelbagai lapisan pemegang taruh Universiti. Segala aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan akan dipastikan hasilnya mampu memberikan impak yang positif bukan sahaja kepada Universiti tetapi juga masyarakat umum dan negara.

3.1 Lakaran Kejayaan

3.1.1 Pengiktirafan Kecemerlangan

Meneruskan prestasi cemerlang di persada antarabangsa, tahun 2019 telah menyaksikan kejayaan UM diiktiraf sebagai salah satu Universiti terbaik di dunia oleh pelbagai badan penarafan universiti antarabangsa. Peningkatan ketara dikecapi oleh UM apabila QS World University Rankings mengumumkan kedudukan UM di tangga ke-70 universiti terbaik dunia yang memperbaiki kedudukan di tangga ke-87 pada tahun 2018. Lonjakan sebanyak 13 anak tangga ini sekali gus membuktikan bahawa segala perancangan dan strategi yang dilaksanakan oleh Universiti adalah pada landasan yang ditetapkan. Usaha berterusan dan sokongan padu warga universiti akan diteruskan bagi mencapai aspirasi menempatkan UM dalam kalangan 50 universiti terbaik dunia dan 10 universiti terbaik Asia pada tahun mendatang.

Di peringkat Asia, keunggulan UM memang tidak dapat disangkal lagi apabila kedudukannya melonjak ke tangga ke-13 dalam penarafan QS Asia University Rankings berbanding kedudukan ke-19 pada tahun 2018. Kecemerlangan ini diperkukuhkan lagi melalui penarafan 5 bintang dalam QS Stars Rating serta pengiktirafan dalam QS World University Rankings by Subject. Daripada 34 subjek berkaitan yang dinilai, 17 subjek diangkat dalam kelompok 100 terbaik dunia, manakala 3 subjek berada dalam kelompok 50 terbaik dunia iaitu *Library & Information Management*, *Development Studies* dan *Electrical & Electronic Engineering*.

Selain penarafan daripada QS, UM juga turut dinilai melalui sistem penarafan THE World University Rankings yang mana UM berjaya mengekalkan kedudukannya dalam kelompok 301-350 universiti terbaik dunia daripada hampir 1,400 universiti dari 92 buah negara yang dinilai. Tahun 2019, turut melakar sejarah buat UM yang pertama kalinya menyertai penarafan THE University Impact Rankings. Keputusan yang dibuat merupakan satu tindakan yang tidak sia-sia menyaksikan kemunculan UM dalam kelompok 101-200 universiti dunia yang memiliki kemampanan dan kelestarian cemerlang berdasarkan United Nations' Sustainable Development Goals (SDGs) dalam tiga aspek utama iaitu penyelidikan, jangkauan (*outreach*) dan pengawasan (*stewardship*).


Keberhasilan usaha UM dalam memastikan kelestarian dan kemampanan universiti turut diiktiraf melalui penarafan UI Green Metric World University Ranking. Melalui penilaian yang dibuat bagi tahun 2019, UM berjaya mengekalkan kedudukan sebagai universiti pertama dalam kategori *Asia's Most Sustainable University in City Centre Campus Setting*, kelima sebagai *Asia's Most Sustainable University* dan meningkatkan kedudukan di tangga ke-34 bagi *World Sustainable University* berbanding tangga ke-36 pada tahun 2018. Selain itu, penilaian dalam Webometrics Ranking of World University telah menyaksikan peningkatan posisi UM pada kedudukan ke-352 peringkat dunia berbanding kedudukan ke-399 pada tahun 2018. UM turut berjaya mengekalkan prestasinya dan dinobatkan sebagai universiti pertama di Malaysia dalam aspek visibiliti di laman sesawang.

Di peringkat dalam negara, jenama UM tidak perlu diperkenalkan lagi apabila terus berada di kedudukan teratas dalam kalangan Universiti Awam. Melalui sistem penyeteraan Malaysia Research Assessment atau MyRA 2019, UM sekali lagi telah diiktiraf dengan penarafan 6 Bintang (*Outstanding*) berdasarkan pencapaian cemerlang dalam aktiviti penyelidikan.



UM mengekalkan komitmen yang tinggi untuk terus berada dalam sistem penarafan khususnya di peringkat dunia bagi memastikan UM terus menjadi destinasi pilihan bagi calon pelajar berpotensi dan rakan institusi dalam dan luar negara untuk mengembangkan bidang kepakaran masing-masing melalui aktiviti penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran.

Pencapaian yang diraih menggambarkan sesungguhnya usaha dan kerja keras yang telah dilakukan selama ini memberikan hasil yang positif kepada UM. Dengan kepelbagaian sistem penarafan universiti yang diperkenalkan, UM tetap berjaya menerobos kedudukannya di dalam kelompok tertinggi universiti terbaik di dalam negara mahupun di peringkat global.



3.1.2 Akademik dan Pengantarabangsaan

Kualiti akademik dan kerjasama antarabangsa merupakan aspek teras utama yang sentiasa diberikan perhatian dalam aspirasi kecemerlangan UM. Pengiktirafan dan pencapaian yang dikecapi selama ini antara lainnya adalah melalui teras utama dalam penghasilan kualiti akademik yang diiktiraf serta kerjasama strategik dengan pelbagai pihak di peringkat antarabangsa.

Tahun 2019 mencatatkan satu lagi pencapaian bermakna buat UM dengan tertubuhnya Fakulti Farmasi bagi memenuhi keperluan industri dan profesional dalam bidang berkaitan farmasi. Melalui penubuhan Fakulti baharu ini, pemerkasaan bidang farmasi di UM akan dapat dibangunkan dengan lebih giat lagi.

Melalui pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh UM dalam usaha memperkasakan lagi kualiti akademiknya, pelbagai pengiktirafan telah diterima dari badan profesional dalam dan luar negara bagi program akademik yang ditawarkan antaranya Royal Society of Chemistry (RSC), International Engineering Alliance Washington Accord, Association to Advance Collegiate School of Business (AACSB), Royal Institute of British Architects (RIBA) dan Royal College of Surgeons in Ireland (RCSI). Ini sekali gus telah menarik kemasukan pelajar antarabangsa yang bertali arus dari serata pelusok dunia yang mengagumi kecemerlangan akademik yang ditonjolkan oleh UM. Berdasarkan statistik terkini, terdapat peningkatan dalam kemasukan pelajar ijazah tinggi antarabangsa sebanyak 18% berbanding tahun 2018 dengan jumlah keseluruhan kemasukan seramai 815 pelajar mengikuti pelbagai program ijazah tinggi yang ditawarkan pada tahun 2019.

Bagi memastikan kualiti pembelajaran dan pengajaran sentiasa pada tahap yang memberangsangkan, kakitangan akademik sentiasa diberikan pendedahan melalui pelbagai latihan dan pembangunan berkaitan. Peningkatan sebanyak 5% direkodkan dalam penyediaan kursus atau program berkaitan bagi membantu memperkasakan lagi kakitangan akademik dalam usaha meningkatkan lagi kualiti dan kemampuan penyampaian dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Selain itu, jalinan kerjasama dengan pihak industri dan bakal majikan turut giat dijalankan bagi memastikan kandungan akademik yang dihasilkan sentiasa terkini dan memenuhi keperluan industri. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah *Huawei Connected Campus 2019*, *Microsoft Training for Trainers*, *Maybank Go Ahead Challenge 2019* dan *Social Entrepreneurship Masterclass*.

Selain itu, tahun 2019 turut melakarkan kejayaan akademik dalam penghasilan graduan melalui program akademik secara kerjasama dengan universiti antarabangsa di peringkat ijazah dasar dan ijazah tinggi. Sebanyak 30 program ditawarkan secara *dual/joint PhD*, *dual/double Master* dan *double degree*. Sehingga 2019, seramai 23 graduan berjaya dihasilkan dalam ketiga-tiga peringkat pengajian tersebut.

Dalam usaha memperkasakan lagi visibiliti UM di persada antarabangsa, pelbagai aktiviti pengantarabangsaan telah pun dilaksanakan dan mencatatkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Ini terbukti melalui peningkatan ketara sebanyak 70% dalam penglibatan pelajar UM untuk program mobiliti pelajar. Daripada 2,561 pelajar yang terlibat, 20% adalah pelajar dalam kategori B40. Peluang yang diberikan ini merupakan inisiatif yang mampu memberikan pendedahan positif kepada para pelajar bagi mempersiapkan mereka supaya lebih matang dan bersedia mengharungi cabaran hidup selepas menamatkan pengajian.

Peningkatan dalam kemasukan pelajar luar negara ke UM melalui program mobiliti (*inbound mobility programme*) menggambarkan satu perkembangan yang positif. 2019 menyaksikan peningkatan sebanyak 12% berbanding tahun sebelumnya melibatkan seramai 2,534 pelajar luar negara menyertai program mobiliti di UM. Ini sekali gus mencerminkan bahawa kualiti akademik yang ditawarkan oleh UM setanding dengan keperluan antarabangsa. Tidak terhenti di sini, 2019 turut menyaksikan penerimaan kunjungan dan hasrat pelbagai institusi luar seluruh dunia untuk menjalinkan kerjasama dengan UM. Berasaskan kepada pendekatan kerjasama pintar dan strategik, sebanyak 310 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) telah dijalankan sepanjang tahun 2019. Ini membawa kepada 800 jumlah keseluruhan MoU dan MoA yang aktif ditandatangani melibatkan lebih 70 negara.

Usaha pengantarabangsaan ini, dilengkapi dengan kualiti akademik bermutu tinggi turut diiktiraf oleh Association of Pacific Rim University (APRU) yang telah melantik UM sebagai APRU *Steering Committee for Member-at-large-seat*. Pengiktirafan antarabangsa terhadap kecemerlangan UM turut diraih melalui Institut Kong Zi yang telah dinobatkan oleh Kerajaan China sebagai 10 Institut Konfusius (Confucius Institute atau CI) terbaik dunia dalam kalangan 550 CI di 162 negara.

3.1.3 Penyelidikan dan Inovasi

Menggalas tanggungjawab sebagai salah satu Universiti Awam berstatus Universiti Penyelidikan bukanlah suatu tugas yang mudah. Namun begitu, berbekal semangat juang dan iltizam yang tinggi dalam memperkasakan ilmu, UM terus mengukir nama dalam bidang penyelidikan. Sebagai sebuah universiti komprehensif, kepelbagaian bidang dan kepakaran yang dimiliki menjadi satu kelebihan buat UM untuk terus meneroka pelbagai bidang ilmu dari bidang asas hinggalah bidang termaju. Ini terbukti melalui prestasi yang dikecapi sepanjang 2019 yang menyaksikan peningkatan yang membanggakan dalam aktiviti penyelidikan.

Nilai geran penyelidikan mengalami peningkatan sebanyak 44% berbanding tahun 2018. Perkembangan positif tahun 2019 telah menyaksikan sebanyak 996 geran aktif dengan nilai geran berjumlah RM203 juta berbanding pencapaian 2018 yang mencatatkan bilangan geran sebanyak 473 dengan nilai RM126 juta. Geran ini merangkumi pendanaan dari industri dan institusi antarabangsa selain geran daripada kerajaan. Bagi geran penyelidikan antarabangsa ia mencatat prestasi yang amat membanggakan dengan peningkatan sebanyak 68% dari tahun sebelumnya melibatkan jumlah dana sebanyak RM11 juta. Perkembangan positif membuktikan bahawa keupayaan dan kepakaran yang dimiliki Universiti Malaya semakin diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Melalui aktiviti penyelidikan yang sangat aktif, ia telah memberikan impak yang sangat positif melalui penemuan penyelidikan yang dihasilkan. Penerbitan dalam jurnal berwasit secara keseluruhannya meningkat sebanyak 5% dari tahun 2018 melibatkan sejumlah 5,120 artikel diterbitkan di dalam jurnal bertaraf Scopus dan ISI. Daripada jumlah tersebut, 63.1% artikel diterbitkan dalam jurnal Q1 dan Q2. Kualiti penerbitan yang terhasil turut dibuktikan melalui peningkatan dalam jumlah sitasi terhadap artikel yang berjaya diterbitkan oleh para penyelidik UM. Peningkatan sitasi antara 7% hingga 11% dicatatkan sepanjang 2019 melalui penerbitan dalam Scopus dan ISI. Selain itu, aktiviti penyelidikan di UM turut diperkukuhkan lagi dengan kemasukan seramai 142 Felo Penyelidik Pasca Doktorat dalam pelbagai bidang sepanjang tahun 2019 berbanding 137 felo pada 2018. Namun begitu, penurunan sebanyak 6.5% telah direkodkan dalam tahun 2019 bagi enrolmen program kedoktoran berbanding 2018 mencatatkan bilangan keseluruhan calon kedoktoran daripada 3,829 kepada 3,579. Antara faktor yang menyebabkan penurunan ini adalah kerana terhentinya program MyBrain15 oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, pengurangan peruntukan penyelidikan oleh kerajaan kepada universiti dan kekangan pendanaan untuk melaksanakan program promosi yang lebih agresif.

Selain itu, terdapat sedikit pengurangan jumlah penerbitan dalam jurnal bertaraf ISI, kesan daripada pengurangan dana penyelidikan bagi Universiti Penyelidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, ia tidak melemahkan semangat para penyelidik UM untuk terus berusaha menjalankan aktiviti penyelidikan berimpak tinggi melalui kerjasama dengan pihak industri. Berkat usaha gigih yang dilakukan untuk meyakinkan pihak industri terhadap kemampuan dan kepakaran dimiliki oleh UM, terdapat peningkatan dalam aktiviti penyelidikan bersama industri sepanjang tahun 2019 yang mencatatkan sejumlah 87 projek bersama 67 syarikat melibatkan dana sebanyak RM22.3 juta. Peningkatan sebanyak 9% hingga 18% berbanding pencapaian 2018.

3.1.4 Jalinan Industri dan Masyarakat

Tidak lengkap jika sesuatu penyelidikan yang dilakukan tidak menyumbang kepada penghasilan inovasi yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan industri. Walaupun inovasi yang terhasil melibatkan proses dan prosedur yang panjang untuk dikomersilkan, ia sedikitpun tidak melemahkan usaha Universiti untuk menyebarluaskan penemuan yang terhasil demi kemaslahatan dan manfaat umum. Peningkatan sebanyak 14% dari tahun 2018 telah dicatatkan bagi produk yang berjaya dikomersilkan oleh UM dan salah satu daripada produk tersebut adalah Severe Dengue ELISA Kit (MyLiSA) telah dianugerahkan pensijilan ISO 13485. Produk yang dibangunkan oleh Profesor Madya Dr. Wong Pooi Fong daripada Fakulti Perubatan merupakan satu-satunya produk yang memenuhi kriteria ISO 13485 di Malaysia.

Bagi menggalakkan aktiviti inovasi dan komersilisasi diteruskan pewujudan *Business Pod* turut ditingkatkan sebanyak 20% berbanding tahun 2018. Usaha ini turut disokong dengan penglibatan pihak industri melalui kerjasama pintar yang dijalinan. Peningkatan penglibatan industri sebanyak 14% memberikan gambaran yang positif untuk meneruskan inisiatif ini yang mampu memberikan impak positif kepada universiti dan industri.

Universiti dan masyarakat adalah dua entiti yang saling berkait dan tidak dapat dipisahkan. Kebergantungan antara satu sama lain terus diperkukuhkan melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh warga kampus dalam melaksanakan tanggungjawab dan kepercayaan yang diamanahkan. Tahun 2019 telah menyaksikan peningkatan sebanyak 5% dalam bilangan geran yang diperoleh bagi pelaksanaan aktiviti jalinan masyarakat melibatkan sebanyak 57 geran. Daripada bilangan geran ini, turut mencatatkan peningkatan dalam sumbangan dana daripada pihak luar sebanyak 45% melibatkan dana berjumlah hampir RM390 ribu. Perkembangan yang positif ini membuktikan bahawa inisiatif yang dilaksanakan oleh UM untuk manfaat masyarakat sentiasa disambut baik bukan sahaja oleh masyarakat tetapi juga agensi luar yang ingin turut menyumbang.

3.1.5 Hal Ehwal Pelajar

Sebagai pewaris generasi akan datang yang bakal mencorak pembangunan dan kemajuan negara, usaha pemerksaan pelajar secara holistik sentiasa menjadi antara agenda utama Universiti Malaya. Lebih-lebih lagi dengan kedudukan Universiti Malaya sebagai universiti terulung negara dan dunia, harapan umum terhadap mahasiswa yang dihasilkan oleh Universiti Malaya sudah semestinya sangat tinggi.

Bagi menyahut dan menggalas amanah ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 untuk dimanfaatkan oleh para pelajar. Segala perancangan yang dilakukan adalah berteraskan kepada empat asas utama iaitu, Pemerkasaan Pelajar, Pembangunan Pelajar, Perkhidmatan Pelajar dan Kebajikan Pelajar.

Dengan hasrat melahirkan pelajar yang profesional dan berfikiran strategik, UM telah memberi peluang kepada para pelajar untuk melibatkan diri bersama pengurusan universiti dalam urusan berkaitan pelajar melalui pengendalian sepenuhnya proses pilihan raya kampus serta pemilihan jawatankuasa kolej kediaman, perwakilan di dalam mesyuarat Senat Universiti serta diberikan kuasa untuk membuat penilaian kertas cadangan projek oleh pelajar dan penetapan kadar subsidi bagi setiap projek yang diluluskan. Inisiatif ini akan dapat memberikan pendedahan kepada pelajar dalam membentuk keperibadian mereka terutamanya sewaktu menempuh alam pekerjaan nanti.

Usaha untuk menonjolkan ciri-ciri utama DNA UM dalam kalangan pelajar yang telah dihasratkan pada tahun sebelumnya masih diteruskan. Melalui perancangan yang rapi, usaha ini telah memberikan kesan yang positif terhadap aspirasi pembangunan pelajar dengan DNA UM. Sepanjang 2019, 59% pelajar ijazah dasar telah terlibat secara langsung dalam pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan oleh universiti. Selain itu, 30% pelajar ijazah dasar telah melibatkan diri dalam lebih 30 program peringkat antarabangsa. Ini merupakan suatu pengalaman dan pendedahan yang sangat berharga dan tidak ternilai. Bagi memastikan lepasan UM sentiasa menjadi pilihan dan rebutan dalam kalangan pemain industri, tiga inisiatif utama telah dilaksanakan melalui penganjuran lebih daripada 20 program kebolehpasaran graduan, pewujudan *Idea Lab* dan pelantikan Rakan Industri UM. Kesemua inisiatif yang dilaksanakan diharap dapat meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan UM dalam pasaran pekerjaan.

Untuk memastikan setiap pelajar menikmati pengalaman pembelajaran yang terbaik sepanjang pengajian mereka di UM, perkhidmatan yang disediakan oleh Universiti termasuklah urusan kebajikan mereka sentiasa menjadi agenda utama dalam setiap tindakan yang diambil. Menyedari hakikat peningkatan kos sara hidup terutamanya di kawasan bandar, adalah menjadi aspirasi UM untuk menyediakan kemudahan penginapan yang mampu menampung kesemua pelajar. Justeru, pada Mac 2019, UM telah menandatangani perjanjian pajakan kawasan asrama dengan pihak Lembaga Pemegang Amanah Kolej Islam Malaya (LAKIM) yang akan dijadikan sebagai Kolej Kediaman Ketiga Belas Universiti Malaya. Kompleks kediaman ini sedang dalam proses pembaikan dan dijangka dapat menyediakan kemudahan penginapan untuk 2,850 pelajar. Di samping itu, UM melalui Bahagian Hal Ehwal pelajar telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4 juta bagi tujuan penyelenggaraan dan penambahbaikan kolej-kolej kediaman sedia ada dalam usaha memberikan keselesaan kepada para pelajar.

Menyedari hakikat bahawa majoriti pelajar UM datang daripada latar belakang keluarga dalam kategori B40, pihak Universiti sentiasa berusaha menjalinkan kerjasama dengan agensi luar untuk mengumpul dan mendapatkan dana bagi membantu pelajar yang memerlukan bantuan kewangan melalui pelbagai kaedah penyaluran bantuan. Sepanjang tahun 2019, sebanyak RM1.16 juta dana zakat berjaya dikumpul dan seramai 1,136 pelajar telah menerima bantuan melibatkan peruntukan hampir RM1 juta. Selain bantuan zakat yang turut disalurkan, UM turut menawarkan kemudahan bantuan kewangan kepada pelajar melalui dana terkumpul universiti. Lebih daripada RM690 ribu telah pun disalurkan kepada pelajar yang memohon mengikut kriteria yang ditetapkan.

Usaha menjaga kebajikan pelajar turut dilaksanakan dengan inisiatif bantuan makanan dalam pelbagai bentuk kepada pelajar yang layak. Melalui inisiatif ini, seramai 2,329 pelajar telah mendapat manfaat yang melibatkan peruntukan sebanyak RM359 ribu. Pelajar kurang upaya di UM juga tidak diabaikan kebajikan mereka. Sebagai universiti pertama negara yang membuka peluang pengajian tinggi kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU), UM sentiasa dijadikan penanda aras dalam aspek penyediaan kemudahan dan kebajikan pelajar kurang upaya oleh universiti lain. Sejumlah RM355 ribu telah pun diperuntukkan bagi penyediaan fasiliti dan kemudahan fizikal, kebajikan, pelaksanaan program, perkembangan dan kesedaran inklusif untuk pelajar OKU dan warga UM. Kesemua inisiatif dan perancangan ini berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2019 bagi memastikan kebajikan pelajar sentiasa terjaga seterusnya dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang holistik dan inklusif.

3.1.6 Tadbir Urus dan Modal Insan

Tidak dinafikan bahawa tadbir urus dan pengoperasian yang baik dalam sesebuah organisasi merupakan tulang belakang kepada kejayaan organisasi untuk mencapai setiap sasaran yang ditetapkan. Kecemerlangan organisasi turut dilengkapkan lagi dengan adanya sumber manusia yang cekap, berkeupayaan dan berprestasi tinggi. Tahun 2019 telah menjadi titik tolak kepada beberapa inisiatif untuk memantapkan lagi tadbir urus, operasi dan juga sumber manusia di UM dalam usaha meningkatkan kecemerlangannya sekali gus mencapai aspirasi sebagai 50 universiti terbaik di dunia.

Penambahbaikan dalam Tadbir Urus Universiti

01

Mewujudkan repositori bagi semua polisi, prosedur, pekeliling, arahan dan garis panduan yang digunakan oleh universiti

02

Mewujudkan daftar had kuasa yang menggariskan skop dan tanggungjawab bagi tujuan pematuhan

03

Menyelaras semula peranan dan tahap setiap jawatankuasa yang ditubuhkan dalam pengoperasian Universiti

04








Mewujudkan aplikasi mudah alih *Secure Campus* sebagai pusat *hotline* keselamatan kampus.

Universiti juga telah meluluskan Pelan Strategik Pengurusan Bakat yang bertujuan untuk memperkasakan lagi tenaga kerja universiti serta mewujudkan mekanisme yang lebih sistematik dalam usaha menarik bakat yang berkeupayaan serta mampu menyumbang kepada kecemerlangan universiti. Pelaksanaan pelan strategik ini dimulakan dengan fasa pertama yang melibatkan dua aspek utama iaitu Perancangan Sumber Manusia dan Penarikan Bakat.



Dalam usaha pihak Universiti memperkasakan lagi pengurusan sumber manusia, pencapaian membanggakan yang telah dikecapi oleh staf Universiti sepanjang 2019 membuktikan bahawa sokongan yang diberikan oleh Universiti selama ini mampu menyerlahkan bakat dan kepakaran yang dimiliki oleh segenap lapisan warga Universiti.

Antara pengiktirafan yang diraih oleh para ahli akademik UM

<p>Knights of the Order of Academic Palms (<i>Chevalier De L'Ordre Des Palmes Académiques</i>) oleh Kerajaan Perancis Dr. Patricia Nora Anak Riget (Fakulti Bahasa dan Linguistik)</p>		<p>Among the World Top Analytical Chemist oleh Japan Society of Analytical Chemistry Prof. Dr. Wan Jeffrey Basirun (Fakulti Sains)</p>	
	<p>Talented Young Scientist Program oleh Kementerian Sains dan Teknologi China Prof. Madya Dr. Fauziah Shahul Hamid (Fakulti Sains)</p>		<p>The National Research Award oleh Research Council of Oman Prof. Madya Dr. Suhana Mohd Said (Fakulti Kejuruteraan)</p>
<p>Endeavour Executive Leadership Award oleh Kerajaan Australia Prof. Dr. Fong Choong Yi (Fakulti Perubatan)</p>		<p>Young Leader Award oleh South East Asian Federation of Organizations for Medical Physics (SEAFOMP) Prof. Madya Dr. Jeannie Wong Hsiu Ding (Fakulti Perubatan)</p>	
<p>The 2020 Breakthrough Prize in Fundamental Physics oleh Fundamental Physics Prize Foundation Dr. Juan Carlos Algaba Marcos (Fakulti Sains)</p>			

3.1.7 Infrastruktur dan Kemudahan

Selaras dengan pengiktirafan yang diterima sebagai salah sebuah universiti terbaik dunia, pengurusan universiti sentiasa memastikan sistem sokongannya adalah dalam keadaan yang terbaik dan bergerak seiring dalam memenuhi keperluan organisasi. Menyusuri perjalanan dalam tahun 2019, beberapa tanda aras penting telah berjaya direalisasikan bagi memperkasakan lagi sistem sokongan infrastruktur dan kemudahan universiti. Pencapaian yang dikecapi merangkumi kesemua teras utama operasi universiti dalam usaha memastikan semua perancangan aktiviti utama dapat dilaksanakan dengan lancar.

10 Pencapaian dalam Penambahbaikan Infrastruktur dan Kemudahan Universiti



3.1.8 Kewangan

Walaupun UM secara langsung terkesan dengan pemotongan belanjawan pada 2019 seperti yang telah diumumkan oleh kerajaan, ia tidak melemahkan semangat pengurusan Universiti dalam merangka strategi bagi memastikan kemampuan kedudukan kewangan UM. Dalam keterbatasan pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang, UM masih mampu mengekalkan prestasi cemerlang dalam pengurusan kewangannya.

The infographic consists of five colored boxes with rounded corners, each containing a key achievement in financial management:

- Penganugerahan sijil audit bersih** bagi penyata kewangan tahun 2018 oleh Kementerian Kewangan.
- Penyediaan Bantuan Kewangan kepada staf** melalui program bantuan kewangan persekolahan dan agihan kutipan zakat kepada pelajar dan staf.
- Penaiktarafan sistem kewangan universiti dikenali sebagai F1R\$T** (Financial infoRmation \$upport sysTem), melancarkan saluran urus niaga tanpa tunai (*cashless platform*) dan melaksanakan pendekatan perolehan strategik bagi mengelakkan perbelanjaan tanpa dirancang.
- Mempelbagaikan punca pendapatan dan penciptaan pendapatan melalui pengiktirafan sebagai mutawali dan ejen kutipan zakat** yang mana telah berjaya membuat kutipan zakat sebanyak RM1.33 juta pada 2019.
 - Dari jumlah tersebut sebanyak RM1.06 juta telah diagihkan kepada staf dan pelajar yang layak.
 - Hasil terkumpul melalui dividen dari syarikat pegangan UM telah memberikan pendapatan sebanyak RM 2.2 juta.
- Pengecualian pemakaian pekiling dan peraturan kewangan kerajaan**
 - Pindaan had kuasa melulus kewangan
 - Pengecualian cukai terhadap sumbangan dermakekal (*endowment*)
 - Pengecualian cukai berganda bagi sumbangan kewangan untuk aktiviti penyelidikan dan perkhidmatan berkaitan bidang sains dan teknologi (Seksyen 34B).

3.1.9 Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan

Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan UM bagi tahun 2019 berdasarkan Ministry Key Performance Indicators (MKPI)

Perkara	Penunjuk Kecekapan		Penunjuk Keberkesanan (Keseluruhan) (%)
	Tahun Sebelum (2018)	Tahun Semasa (2019)	
KPI 1: Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pada tahun konvokesyen. <i>Nota: Berdasarkan Tracer Study</i>	78.1%	78.9%	97.41%
KPI 2: Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	1.3	1.4	66.67%

Perkara	Penunjuk Kecekapan		Penunjuk Keberkesanan (Keseluruhan) (%)
	Tahun Sebelum (2018)	Tahun Semasa (2019)	
KPI 3: Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	57.4 (termasuk <i>self-citation</i> ; data MyRA sehingga Oktober 2017)	95 (termasuk <i>self-citation</i> ; data MyRA sehingga Disember 2018)	115.7% (termasuk <i>self-citation</i>)
KPI 4: Kedudukan Universiti Awam di bawah penarafan QS Global Ranking.			
(i) Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 50 teratas berdasarkan QS World University Rankings by Subject.	7	3	42.86%
(ii) Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 51-200 teratas berdasarkan QS World University Rankings by Subject.	25	31	106.90%
KPI 5: Jumlah penjana pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus, yang telah ditetapkan.	39.62%	29.00%	96.67%
KPI 6: Kadar keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di Universiti Awam			
(i) Sarjana Muda	9.73%	12.00%	58.33%
(ii) Sarjana	25.10%	25.00%	72.00%
(iii) PhD	25.10%	27.00%	70.37%
KPI 7: Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGOT)			
(i) Sarjana Muda	79.26%	88.00%	103.53%
(ii) Sarjana	30.10%	32.00%	64.00%
(iii) PhD	34.40%	37.00%	92.50%
KPI 8: Menjuarai sebagai jenama pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa			
(i) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa	4,165	5,229	102.08%
(ii) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pascasiswazah	2,346	2,665	67.03%

3.2 Sistem Pengurusan Kualiti

3.2.1 Audit Kualiti Dalaman

Audit Kualiti Dalaman dirancang dan dilaksanakan selaras dengan keperluan piawai MS ISO 9001:2015 khususnya Fasal 9.2: Audit Dalaman. Audit Kualiti Dalaman Bil. 17/2016 telah mula mengguna pakai piawai MS ISO 9001:2015 yang merupakan semakan terbaharu MS ISO 9001 yang diterbitkan pada September 2015. ISO telah menetapkan bahawa bermula Mac 2017 semua kepatuhan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti adalah berteraskan MS ISO 9001 dan perlu mematuhi piawai MS ISO 9001:2015.


Bagi tahun 2019, Audit Kualiti Dalaman UM Bil.20/2019 telah dilaksanakan mengikut Pemetaan Audit yang diluluskan oleh Pengurusan Universiti. Audit Kualiti Dalaman UM Bil.20/2019 seperti lazimnya memberi tumpuan kepada Proses Teras.

Secara keseluruhan, penemuan audit menerusi 29 PTj/Bahagian/Unit mendapati bahawa Sistem Pengurusan Kualiti masih diamalkan di UM. Peluang bagi penambahbaikan atau *Opportunities for Improvement* dikenal pasti melalui ketakakuran dan pemerhatian yang ditemui. Terdapat juga amalan positif yang boleh dijadikan contoh kepada PTj lain. Walaupun terdapat ketakakuran, ia adalah ketakakuran berbentuk *minor*, yang tidak menjejaskan sistem yang telah diwujudkan.

3.2.2 Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Untuk tahun 2019, SIRIM QAS International Sdn. Bhd sekali lagi menjalankan eksekusi Audit Pemantauan di UM pada 2-6 Disember 2019. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menyediakan ringkasan Laporan Audit Pemantauan untuk perhatian UM.

Perkara yang diberi perhatian oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd



3.2.3 Pengendalian Maklum balas Pelanggan dan Penambahbaikan Kualiti

Sistem maklum balas pelanggan UM merupakan sistem yang membantu Universiti mengenal pasti masalah yang sering dihadapi oleh para pelanggan. Ia juga bertindak sebagai mekanisme untuk membolehkan pelanggan menyampaikan cadangan yang boleh menambah baik sistem sedia ada dan juga boleh digunakan bagi memantau warga Universiti dalam pelaksanaan tugas masing-masing. Kecekapan dan keberkesanan sesebuah PTJ menangani maklum balas dari pelanggan juga boleh dikenal pasti melalui sistem ini. Bermula September 2016, maklum balas yang melibatkan sistem dan infrastruktur tidak lagi diuruskan oleh Pusat Pengurusan dan Penambahbaikan Kualiti (QMEC) sebaliknya diurus secara terus oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM) serta Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) melalui sistem UM HelpDesk.

Pada tahun 2019 juga, QMEC telah menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan yang bertajuk "Pelaksanaan *Outcome-Based Education* (OBE) dalam kalangan staf akademik UM". Kajian ini mempunyai dua (2) objektif utama:

- Menentukan tahap pemahaman, tahap kesiapan dan tahap pelaksanaan OBE dalam kalangan staf akademik Universiti Malaya.
- Mendapat cadangan dan pandangan staf akademik dalam penambahbaikan pelaksanaan OBE di Universiti Malaya.

Melalui hasil dapatan kajian, pihak bertanggungjawab dapat mengenal pasti dan seterusnya merangka perancangan serta aktiviti yang dapat meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan OBE dalam kalangan staf akademik UM.

Penambahbaikan berterusan adalah penting dalam usaha penjaminan kualiti sesebuah organisasi. Bagi organisasi yang melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang berlandaskan piawai MS ISO 9001:2015, penambahbaikan berterusan merupakan keperluan yang dinyatakan dalam Fasal 10.3. Salah satu langkah yang telah diambil oleh UM bagi memastikan proses penambahbaikan berterusan adalah melalui projek penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan di peringkat PTJ.

3.2.4 Jaminan Kualiti Akademik


Dalam memenuhi komitmen UM untuk memberi pendidikan yang berkualiti kepada semua pelajar pada peringkat diploma, prajazah, ijazah dasar dan ijazah tinggi, perlu ada jaminan bahawa program yang ditawarkan dapat melahirkan graduan UM yang mempunyai atribut tertentu serta memenuhi keperluan standard.

Sehubungan itu, QMEC selaku badan penjaminan kualiti UM telah mewujudkan mekanisme untuk menjamin kualiti sesuatu program dengan menerapkan indikator kualitinya yang tersendiri berpandukan *Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA) serta standard lain, khususnya standard program mengikut disiplin. Kawalan kualiti terhadap suatu program dilaksanakan di semua peringkat; iaitu semasa penawaran program baharu, pemantauan semasa pelaksanaan program sebelum pelajar kohort pertama bergraduat serta secara berkala bagi program yang telah diakreditasi.

Akreditasi Program Akademik

Sebagai sebuah institusi yang dianugerahkan status swaakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia pada 2010, UM bertanggungjawab mengakredit sendiri semua program akademik bukan profesional yang ditawarkan. Pengakreditasi ini melibatkan dua peringkat iaitu pengakreditasi sementara untuk permohonan program baharu dan pengakreditasi penuh bagi program baharu berstatus akreditasi sementara. Kedua-dua proses ini merupakan kawalan kualiti bagi program akademik di peringkat perancangan dan pelaksanaan.

Program yang telah diakreditasi



Akreditasi Semula Program Akademik

Salah satu syarat penganugerahan status swaakreditasi adalah sesebuah Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) termasuk UM dikehendaki menjalankan proses penilaian semula yang komprehensif terhadap program yang telah diakredit dari semasa ke semasa untuk memastikan kualiti program ini dapat dipertingkatkan. Sehubungan itu, UM telah menetapkan bahawa kesemua program sedia ada bukan profesional yang telah memperoleh status akreditasi penuh akan melalui proses pengakreditasi semula yang dijalankan sekali setiap lima tahun.

Bermula 2017, QMEC telah menjalankan akreditasi semula bagi program sedia ada bukan profesional yang ditawarkannya. Fasa ketiga telah dijalankan pada tahun 2019 bagi 68 program ijazah tinggi secara kerja kursus dan mod campuran. Sebanyak 14 PTj akademik, 70 orang penilai luar dan 31 orang penilai dalaman terlibat dalam eksekusi ini.

Latihan dan Pembangunan Pakar Jaminan Kualiti

Sebanyak enam sesi latihan telah dikendalikan melalui bengkel kepada kumpulan tertentu di UM. Q-Clinic yang dijadualkan 2 kali setiap bulan juga memberi ruang kepada QMEC untuk bertemu dengan warga UM dalam kumpulan yang lebih kecil.

Antara inisiatif baharu dalam memperkasakan kualiti di UM pada tahun 2019 adalah dengan melantik Pakar Jaminan Kualiti Akademik (Programme Quality Assurance Expert, ProQAE) bagi setiap PTj akademik. ProQAE merupakan ahli bersekutu QMEC dan akan bertindak sebagai individu rujukan/pakar rujuk bagi perkara-perkara berkenaan jaminan kualiti program akademik. Bagi tahun 2019, ProQAE telah menjalani empat siri latihan yang dikendalikan oleh QMEC.

Penjaminan kualiti berkaitan akademik di UM juga turut melibatkan pihak luar berkepentingan termasuk pemegang taruh. Ini bagi memastikan kualiti UM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa. QMEC selaku badan yang menjamin kualiti bertindak sebagai penyelarasan bagi penilaian dan audit oleh badan penjaminan kualiti lain seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), *Asean University Network-Quality Assurance* (AUN-QA) dan badan-badan profesional bagi program akademik profesional.

3.3 Mengorak Langkah Ke Hadapan

Walaupun pelbagai pencapaian cemerlang yang berjaya diraih sepanjang tahun 2019, ini tidak bermakna UM boleh leka dan mendabik dada tanpa terus berusaha dengan lebih gigih lagi untuk meningkatkan prestasi cemerlang dan mengukuhkan lagi kedudukannya di mata dunia. Pelbagai perancangan telah pun direncanakan dalam mengharungi cabaran yang mendatang. Memandangkan Pelan Strategik Universiti Malaya sedia ada akan mencapai tempoh kematangannya, persediaan awal telah pun dimulakan untuk menilai semula pelan strategik sedia ada seterusnya membuat perancangan strategik baharu bagi mempersiapkan UM dalam menghadapi cabaran mendatang.

Setiap warga Universiti haruslah peka dengan aliran semasa dalam pengajian tinggi serta cabaran yang bakal dihadapi untuk terus menjadi yang terbaik. Semua faktor ini perlu dilihat pada sisi positif yang mampu menciptakan peluang untuk diterokai dalam pelbagai aspek selaras dengan teras utama UM. Pengurusan Universiti juga telah mengenal pasti inisiatif dan aktiviti yang berkaitan bagi memenuhi keperluan strategik universiti dalam jangka masa pendek dan juga dalam tempoh 10 tahun akan datang. Melangkah ke tahun baharu 2020, UM meletakkan tiga aspirasi utama iaitu *"The Global Knowledge City"*; *"Cultivate a Positive Workplace Culture"* dan *"Do More with Less"* yang dijadikan sebagai tonggak dalam setiap usaha mempertingkatkan kecemerlangannya.







04 | AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

4.1 Pengajaran dan Pembelajaran

Pelan Strategik Akademik Universiti Malaya 2016-2020 merupakan panduan utama dalam menggerakkan transformasi sekali gus memacu kejayaan meliputi aspek pemantapan tadbir urus akademik dan pembangunan akademik bagi tahun 2018.

Pelan Strategik Akademik UM 2016-2020 masih lagi dijadikan tonggak utama dalam memastikan wawasan UM untuk menjadi universiti pilihan staf dan pelajar. Empat (4) matlamat utama telah digariskan di dalam pelan ini iaitu:

- Pengalaman pengajaran dan pembelajaran cemerlang melalui program akademik yang dimantapkan oleh teknologi;
- Pengambilan pelajar yang berkualiti tinggi;
- Graduan berkualiti tinggi dengan ciri-ciri holistik, berpengaruh global, mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang tinggi dan seimbang; dan
- Persekitaran kerja yang membina.

Pelan ini turut menggariskan lapan (8) strategi utama dalam mencapai matlamat yang dikenal pasti. Antara strategi ini adalah:

- Penggabungan teknologi komunikasi dan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran;
- Pengantarabangsaan kurikulum;
- Pedagogi yang efektif dalam penyampaian kursus;
- Semakan semula dan pemeraksanaan program akademik;
- Mendapatkan lebih ramai pelajar tempatan dan antarabangsa dengan tajaan;
- Melahirkan graduan yang berkualiti tinggi;
- Memastikan kesesuaian dan ketampakan graduan UM dalam bidang pekerjaan atau industri; dan
- Mempromosikan budaya pengantarabangsaan.

4.1.1 Pembangunan Kurikulum dan Program Akademik





UM telah mempertimbangkan lima (5) permohonan program akademik baharu yang terdiri daripada program di peringkat Diploma, Sarjana dan Kedoktoran. Permohonan saringan awal program akademik baharu adalah seperti berikut:

- Diploma Eksekutif Khidmat Dakwah
- Diploma Eksekutif Pemasaran Digital
- Diploma Eksekutif Pengurusan Penguatkuasaan Undang-Undang
- Sarjana Pentadbiran dan Kepimpinan Sukan
- Doktor Seni Muzik

Perancangan penawaran program akademik baharu ini dijangka dapat memenuhi keperluan tenaga kerja pada masa hadapan dalam bidang yang berkaitan serta menyokong hasrat pembelajaran sepanjang hayat.

Sarjana Pengajian Cina telah mendapat kelulusan penawaran program akademik baharu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan penawaran akan bermula pada Sesi Akademik 2020/2021. Program ini dijangka akan dapat menarik minat ramai calon pelajar terutama dalam bidang pengajian Sinologi meliputi bahasa, sastera, sejarah, falsafah dan sosiobudaya.

Sesi Akademik 2019/2020 turut merekodkan pelaksanaan eksesais semakan kurikulum bagi semua program akademik Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi. Beberapa siri taklimat, mesyuarat serta perbincangan terperinci telah dilaksanakan bagi memastikan pemilik program mendapat

maklumat yang tepat untuk menjalankan eksesais semakan kurikulum agar selaras dengan Garis Panduan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi pada tahun 2018. Antara yang digariskan dalam garis panduan ini adalah berkaitan pembangunan program akademik baharu, semakan kurikulum bagi program sedia ada serta perubahan maklumat program.

Semakan kurikulum program akademik melibatkan aktiviti komprehensif yang merangkumi penilaian keberkesanan pelaksanaan program dan pencapaian hasil pembelajaran secara menyeluruh. Penambahbaikan Kualiti Berterusan atau *Continual Quality Improvement* (CQI) merupakan perkara utama dalam pemantauan dan penyemakan program akademik bagi mengenal pasti perkara-perkara yang perlu ditambah baik.

Eksesais semakan kurikulum yang dilaksanakan pada tahun 2019 ini turut melibatkan program akademik yang telah mencapai tempoh matang sebelum Sesi Akademik 2018/2019. Daripada 40 program yang menjalani semakan kurikulum, sebanyak 21 program telah mendapat kelulusan dan akan memulakan penawaran program pengajian pada Sesi Akademik 2020/2021. Enam (6) program lagi telah mendapatkan kelulusan untuk dijumpudkan, sembilan (9) program telah diluluskan penangguhan eksesais semakan kurikulum atas pelbagai faktor manakala empat (4) program lagi tidak mendapat kelulusan semakan kurikulum.



Semua pemilik program akademik telah mengemukakan dokumen lengkap bagi semakan kurikulum bermula Januari sehingga Mei 2020. Penyerahan dokumen ini termasuk 32 program akademik yang telah mencapai tempoh matang pada Sesi Akademik 2018/2019 dan Semester I, Sesi Akademik 2019/2020.

Selaras dengan eksekusi semakan kurikulum, UM turut memperkenalkan kursus peningkatan atribut pelajar atau dikenali sebagai *Student Holistic Empowerment (SHE)* bagi program peringkat Ijazah Dasar. Kursus SHE merupakan kursus elektif universiti dan setiap program akademik Ijazah Dasar (kecuali Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan serta Sarjana Muda Pergigian) di UM perlu menetapkan antara 6-8 kredit kursus SHE. Kursus SHE terdiri daripada empat (4) kluster seperti berikut:

- *Thinking Matters: Mind and Intellect*
- *Emotional, Physical and Spiritual Intelligence: Heart, Body & Soul*
- *Technology/ Artificial Intelligence and Data Analytics: i-Techie*
- *Global Issues and Community Sustainability: Making the World a Better Place*

Penawaran kursus SHE ini akan mula diperkenalkan bagi semua program akademik baharu dan program akademik yang telah menjalankan eksekusi semakan kurikulum mulai Sesi Akademik 2020/2021.


Bagi memastikan program akademik UM yang ditawarkan berupaya untuk melahirkan graduan yang kompeten, holistik dan menepati keperluan guna tenaga negara dan industri, pelbagai deskriptif analitik bagi program akademik telah dijalankan oleh Pusat Perancangan Strategik Akademik (ASP Centre). Deskriptif analitik adalah kaedah analisis yang digunakan bagi menganalisis data-data seperti data kemasukan pelajar, keciciran, graduasi, PNGK, kelas pengijazahan, kadar *Graduate on Time (GOT)*, data kebolehpasaran graduan, data pencapaian kursus dan sebagainya. Kaedah dan proses data analitik ini dapat membantu memberi gambaran kepada pihak Pengurusan Universiti mengenai status pelaksanaan dan prestasi program akademik sedia ada yang ditawarkan di UM.

Hasil analisis telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan kemudiannya dikongsi dalam Mesyuarat Naib Canselor Bersama Dekan/ Pengarah dan sesi jerayawara bersama pihak pemilik program (telah diadakan dari 30 April sehingga 26 Jun 2019).

Data-data yang dikongsi dapat membantu pemilik program untuk memperkukuhkan lagi struktur program akademik yang ditawarkan melalui eksekusi semakan kurikulum yang dijalankan. Sebagai contoh, trend pencapaian graduan Ijazah Dasar bagi sekurang-kurangnya lima (5) sesi kemasukan telah dianalisis bagi meneliti pencapaian graduan untuk tamat dalam tempoh iGOT (empat (4) tahun) serta bilangan mereka yang berjaya Lulus Cemerlang (LC) mengikut program dan Pusat Tanggungjawab (PTJ). Analisis ini membantu memberikan gambaran sebenar kepada pihak Pengurusan dan PTJ tentang mutu graduan yang dihasilkan dan langkah sewajarnya yang boleh diambil sekiranya peratus iGOT dan LC bagi sesuatu program adalah rendah secara konsisten untuk beberapa sesi kemasukan. Selain itu, hasil analisis yang turut dikongsi bersama pihak PTJ adalah melibatkan trend kemasukan dan keciciran pelajar, trend kebolehpasaran graduan dan analisis kos per pelajar. Program akademik yang menunjukkan kadar kemasukan yang rendah dan kadar keciciran pelajar yang tinggi perlu berbuat sesuatu untuk meningkatkan populariti dan kerelevanan program. Program yang graduannya tidak menunjukkan kadar kebolehpasaran yang tinggi perlu meningkatkan kualiti kurikulum program bagi memastikan graduan lebih berdaya saing dan memiliki kompetensi yang bertepatan dengan keperluan industri.

Bagi memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran pada setiap sesi akademik, pelaksanaan kursus dan program pengajian juga dinilai secara menyeluruh dengan mengambil kira lima aspek utama iaitu hasil pembelajaran kursus (CLO), purata markah kursus, peratus pelajar lulus, keputusan penilaian kursus dan pengajaran (CTES) serta peratus pencapaian tahap kemahiran insaniah. Hasil analisis telah dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dan PTJ telah diminta untuk memberi perhatian kepada kursus yang berada pada tahap tidak memuaskan bagi tujuan penambahbaikan.

Penambahbaikan dan pengemaskinian Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya tahun 2019 serta empat (4) garis panduan yang dilakukan pada 2019 adalah selaras dengan eksekusi penstrukturan semula portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada Oktober 2018 dan pembangunan sistem pelajar baharu iaitu UMSiTS.



*Lembaga Pengarah Universiti (LPU)



** Kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Program Ijazah Tinggi (JPPIT)

4.1.2 Pemerkasaan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan Staf Akademik


UM melalui Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC) telah memperkasakan program latihan staf akademik melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019.

Program-program yang dilaksanakan oleh ADeC termasuklah:



Kursus Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan Staf Akademik

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 3,007 penyertaan dalam kalangan staf akademik telah direkodkan untuk 116 kursus penambahbaikan akademik dan pembangunan kepimpinan staf akademik.



Effective Teaching Programme for International University of Malaya-Wales (IUMW) Lecturers

Program ini bertujuan untuk menerapkan kemahiran asas dalam pengajaran dan pembelajaran bagi pensyarah-pensyarah IUMW. Kursus ini mengandungi lima (5) modul asas:

- *Establishing Your Teaching Philosophy*
- *Know Your Learners*
- *Designing Curriculum, the OBE Way*
- *Assessing Your Students with OBA Methods*
- *Tools and Technology for Collaborative Learning in 21st Century Higher Education*



Penambahbaikan Sistem e-Pembelajaran UM (SPeCTRUM)

Sistem e-pembelajaran yang digunakan di UM adalah berasaskan perisian "open-source" MOODLE, yang telah dijenamakan sebagai SPeCTRUM (*Student Powered e-Collaboration Transforming UM*). Ia bertujuan untuk memperkasakan pelajar bagi membolehkan mereka memilih cara pembelajaran yang bersesuaian berteraskan ciri-ciri kolaboratif, interaktif dan kreatif sesuai dengan sifat pelajar sebagai "digital natives". Pusat Teknologi Maklumat (PTM) bertanggungjawab dalam mereka bentuk dan menyediakan platform SPeCTRUM bagi mengendalikan urusan teknikal manakala ADeC pula terlibat dalam usaha-usaha promosi, latihan penggunaan dan penyelidikan pedagogi.

SPeCTRUM yang digunakan kini adalah hasil penambahbaikan dari tahun ke tahun dan merupakan penggerak kepada proses pembelajaran *e-Learning* dan *blended learning* di UM. Pada tahun 2019, SPeCTRUM versi baharu telah diguna pakai terdapat fungsi-fungsi baharu yang menyokong aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Lebih membanggakan, sistem SPeCTRUM ini telah diguna pakai sepenuhnya di UM semasa negara mengalami krisis bencana jerebu pada bulan September 2019. Mod Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara atas talian (*e-Learning*) telah diaktifkan sepenuhnya dengan penglibatan ADeC dalam membantu pihak Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bagi mengendalikan urusan pemantauan dan pelaksanaannya dengan kerjasama erat pihak PTM.

Kursus *Emerald Teaching and Learning* dan Pengenalan Modul SPeCTRUMx

Sebanyak empat (4) kursus *Emerald Teaching and Learning* telah dijalankan sepanjang tahun 2019. Kursus *Emerald Teaching and Learning* merupakan kursus asas pengajaran yang diwajibkan kepada staf akademik bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.

Satu modul baharu SPeCTRUM iaitu modul SPeCTRUMx turut diperkenalkan pada tahun 2019. Modul ini dibangunkan oleh Profesor Madya Dr. Farrah Dina Yusop, Pengarah AdeC bersama calon Doktor Falsafah beliau daripada Fakulti Pendidikan, Puan Jazihan Mahat. SPeCTRUMx menggunakan platform Atrium dan pendekatan mod *gamification* dalam menerangkan fungsi asas SPeCTRUM. Maklum balas yang diterima oleh peserta adalah sangat positif dan ADeC bercadang untuk mengekalkan modul ini dalam kursus *Emerald Teaching and Learning* pada tahun 2020.



Persidangan Antarabangsa *Learning Improvement and Teaching Enhancement Conference (LITEC) 2019*

Diadakan pada 24-25 April 2019 di Kuala Lumpur, program ini dibiayai sepenuhnya menggunakan geran UM *Learning Improvement and Teaching Enhancement Research (UM-LITER) 2018*. En. Pasi Mattila, CEO Finpeda Ltd, Finland telah dijemput sebagai Penceramah Utama bagi topik bertajuk "*Learning Space Design and Utilisation: Lesson from Finland*".

Turut dilancarkan dalam persidangan antarabangsa LITEC 2019 ialah buku "*Eyes on Learning Hearts on Teaching*" yang merupakan kompilasi 29 bab berkaitan kaedah pengajaran dalam kalangan ahli akademik UM daripada persidangan LITEC 2018 bertemakan *Learning and Teaching Enhancement, Assessment and Technology dan Student Support*.



Projek Erasmus+ aTM

Erasmus+ aTM merupakan projek *Talent Management* yang dibiayai oleh European Union (EU). Objektif projek ini adalah memupuk pembangunan bakat moden di institusi pendidikan tinggi di Asia. Dr. Amira Sariyati Firdaus, Timbalan Pengarah (Pembangunan & Inovasi) ADeC telah dilantik sebagai Penyelidik Utama bagi kumpulan Erasmus+ aTM di UM bersama penyelidik UM lain yang terdiri daripada ahli Pengurusan UM, staf akademik ADeC, Bahagian Sumber Manusia (BSM), Seksyen Pembangunan Bakat (SPB) serta staf akademik di beberapa PTj. Projek ini akan dijalankan selama tiga tahun bermula Januari 2019 dan akan berakhir pada Januari 2021. Di bawah projek ini, UM telah menerima geran sebanyak £78,000 (~RM270,000) daripada pihak European Union bagi melaksanakan projek ini.

Kejayaan AKRI 2019 dan IUCEL 2019

Selain itu, ADeC juga telah dilantik sebagai Sekretariat bagi menguruskan pencalonan UM dalam Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia Rekabentuk Kurikulum & Penyampaian Inovatif (AKRI) 2019. Sebanyak 11 permohonan telah diterima bagi pencalonan AKRI 2019.

Profesor Dr. Thong Meow Keong, Jabatan Paediatrik, Fakulti Perubatan dan ahli kumpulannya telah memenangi tempat pertama dalam kategori Pentaksiran Alternatif (Alternative Assessment) bagi projek bertajuk "*The use of Entrustable Professional Activities (EPAs) as an alternative assessment tool for entry into Paediatrics postgraduate training programme in Malaysia*".


ADeC turut menawarkan hadiah pembiayaan pendaftaran bagi pertandingan *Invention, Innovation & Design on e-Learning* (IIDEL) sempena *International University Carnival on E-Learning* (IUCEL) 2019 yang berlangsung di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Dua (2) penyertaan telah menerima anugerah Emas dan Gangsa

- Anugerah Emas - *Mummies' Lab STEM Outreach Blended Learning Environment* oleh Dr. Nur Azah Hamzaid, Dr. Wan Safwani Wan Kamarul Zaman, Ir. Dr. Mas Sahidayana Mohktar, Mohd Faiz Azmi, dan Musfirah Abd Aziz (Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Fakulti Kejuruteraan)
- Anugerah Gangsa - *Developing an online learning module using Sway, a web-based Microsoft Office application* oleh Prof. Dr. Tay Sun Tee (Jabatan Mikrobiologi Perubatan, Fakulti Perubatan)

4.2 Pengurusan Akademik

Jumlah kemasukan pelajar dalam pelbagai bidang pengajian bagi tahun 2019 mencapai 6,731 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,473 orang pelajar mengikuti program pengajian di peringkat Ijazah Dasar dan 2,258 calon peringkat Ijazah Tinggi.

Kemasukan Pelajar




Jumlah keseluruhan enrolmen pelajar bagi tahun 2019 adalah seramai 26,647 orang, yang terdiri daripada 16,434 pelajar Ijazah Sarjana Muda (61.7%) dan 10,213 pelajar Ijazah Tinggi (38.3%).


Enrolmen Pelajar

Kategori Pelajar	Tahun 2018		Tahun 2019	
	Ijazah Dasar	Ijazah Tinggi	Ijazah Dasar	Ijazah Tinggi
Warganegara	16,547 (95.5%)	10,319 (77.8%)	15,536 (94.54%)	7,547 (73.9%)
Bukan Warganegara (Antarabangsa)	783 (0.5%)	2,944 (22.2%)	898 (5.46%)	2,666 (26.1%)
Jumlah	17,330	13,263	16,434	10,213

Jumlah graduan pada tahun 2019 adalah seramai 5,468 orang (477 graduan Ijazah Kedoktoran, 1,759 graduan Ijazah Sarjana, 267 graduan Diploma Pascasiswazah dan 2,965 graduan Ijazah Sarjana Muda).



Pada 2019, UM dalam Istiadat Konvokesyen yang ke-59 telah menganugerahkan seorang penerima ijazah kehormat dan tiga (3) penerima gelaran Profesor Emeritus.



Anugerah Pelajaran DiRaja yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Malaysia pada kali ini dianugerahkan kepada dua (2) orang pelajar cemerlang dalam program Ijazah Sarjana Muda.



UM telah menghasilkan seramai tiga (3) graduan ijazah tinggi di bawah program kerjasama (*Dual PhD dan Dual Master*) dengan rakan institusi antarabangsa.

- Krishnamurthy Genasan daripada Fakulti Perubatan, graduan Dual PhD (University of Liverpool, UK)
- Nurul Shafika Binti Amir Hamzah daripada Fakulti Perubatan, graduan Dual Master (Kyoto University, Japan)
- Yudai Tanaka daripada Institut Pengajian Termaju, graduan Dual Master (Kyoto University, Japan)

4.3 Pengantarabangsaan dan Jalinan Global

Pelan Strategik Antarabangsa Universiti Malaya 2016-2020 adalah berlandaskan wawasan untuk menjadi universiti pilihan dalam kalangan pelajar dan rakan strategik. Lima (5) matlamat utama yang telah digariskan di dalam pelan ini adalah:

- Visibiliti di peringkat global
- Imej kecemerlangan
- Komunikasi dan keterlibatan yang efektif
- Penyediaan perkhidmatan yang cemerlang
- Peningkatan pengambilan atau kemasukan pelajar antarabangsa melalui strategi pemasaran yang efisien.

Pelan ini turut menggariskan enam (6) strategi utama dalam mencapai matlamat yang dikenal pasti. Antara strategi ini adalah:

- Mengekalkan jaringan dan hubungan aktif dengan rakan strategik
- Meningkatkan sokongan dan keterlibatan terhadap komuniti global

- Meningkatkan penglibatan komuniti yang berkesan melalui rakan strategik
- Mengamalkan pengurusan persepsi atau tanggapan
- Pembangunan modal insan dalam kalangan staf dengan memupuk kesedaran mengenai kepelbagaian budaya
- Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa

4.3.1 Jaringan Kolaborasi dan Hubungan Luar

Dalam usaha meningkatkan visibiliti UM di peringkat antarabangsa, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan dan mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dengan pelbagai institusi antarabangsa melalui Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) serta lain-lain dokumen perjanjian.

Secara perbandingan, UM telah menunjukkan peningkatan dalam pengukuhan jaringan kolaborasi dengan pihak luar di peringkat tempatan dan antarabangsa melalui perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 2019 berbanding 2018.

Perjanjian yang telah ditandatangani dengan pelbagai institusi dan industri di peringkat tempatan dan antarabangsa pada tahun 2018 dan 2019.

Kategori Dokumen	Tahun 2018		Tahun 2019	
	Antarabangsa	Tempatan	Antarabangsa	Tempatan
Memorandum Perjanjian (MoA)	30 (39.0%)	96 (49.5%)	40 (44.0%)	121 (55.3%)
Memorandum Persefahaman (MoU)	38 (49.3%)	96 (49.5%)	34 (37.3%)	92 (42.0%)
Lain-lain	9 (11.7%)	2 (1.0%)	17 (18.7%)	6 (2.7%)
Jumlah	77	194	91	219



UM-Malaysian Vaccine and Pharmaceuticals (MVP)



UM-Affin Islamic Bank Bhd



UM-École française d'extrême-orient (EFEO), Perancis



UM-Johnson & Johnson Sdn. Bhd.



UM-Fujita Health University, Jepun.

Sebanyak 217 lawatan delegasi luar ke UM telah direkodkan pada tahun 2019. Daripada jumlah ini, sebanyak 34 adalah lawatan daripada industri dan institusi tempatan manakala 183 adalah lawatan oleh pihak institusi antarabangsa. Daripada keseluruhan lawatan berkenaan, sebanyak 42 (19.4%) adalah bersempena dengan majlis menandatangani dokumen kerjasama (MoU/MoA) dengan UM di Malaysia. Delegasi adalah terdiri daripada ahli Pengurusan Universiti/ organisasi korporat, Pengarah/Dekan, Pegawai dan wakil daripada kedutaan luar negara di Malaysia.

Lawatan delegasi antarabangsa ke UM.

Rantau	Bilangan Lawatan	Bilangan Lawatan bagi Majlis Menandatangani MoU
Asia Timur	59	8
Eropah	37	1
Asia Tenggara (termasuk Malaysia*)	32	30
Asia Selatan	15	1
Timur Tengah	14	1
Lain-lain	6	-
Amerika Utara	4	1
Oceania	3	-
Amerika Selatan	2	-
Asia Tengah	2	-
Afrika	1	-
Jumlah	175	42

*Nota: 7 lawatan dan 27 majlis menandatangani MoU/MoA telah diadakan dengan industri dan institusi tempatan

Pada tahun 2019, UM turut merekodkan peningkatan sebanyak 382 berbanding 212 pada tahun 2018 bagi urusan lawatan rasmi ke 52 buah negara untuk aktiviti kolaborasi dan penyertaan dalam urusan rasmi termasuk menghadiri mesyuarat, bengkel, mewakili UM sebagai penceramah dan sebagainya dengan rakan institusi luar negara.

Penglibatan UM di peringkat global

Asia Pacific Rim Universities (APRU) Presidents' Meeting 2019

23-25 Jun 2019, Amerika Syarikat

APRU ialah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh universiti-universiti terkemuka yang menghubungkan rantau Amerika, Asia dan Australia. Persatuan ini mengumpulkan dan menjadi platform bagi para pemimpin, penyelidik dan pembuat dasar untuk bertukar idea dan bekerjasama dalam mencari penyelesaian yang efektif untuk menghadapi cabaran abad ke-21. UM merupakan satu-satunya wakil Malaysia yang menjadi ahli APRU sejak tahun 2005 dan terlibat secara aktif dalam aktiviti dan kegiatan di bawah persatuan ini.

Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hashim, Naib Canselor dan Prof. Dr. Yvonne Lim Ai Lian, Pengarah Pejabat Hubungan Antarabangsa telah mewakili UM dalam mesyuarat tersebut.

Dalam mesyuarat tersebut, Naib Canselor UM turut dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pemandu APRU bagi kategori *Member-at-large* untuk dua (2) penggal bermula dari Jun 2019 sehingga Jun 2021 Anggota Jawatankuasa Pemandu dipilih berdasarkan pencalonan dan dianggotai oleh presiden universiti bagi rantau Amerika, Asia dan Australasia.



Asian Universities Alliance (AUA) Summit 2019

13-14 April 2019, Hong Kong

UM telah mengambil bahagian dalam Asian Universities Alliance (AUA) Summit yang merangkumi mesyuarat AUA Working Group, AUA Board Meeting dan AUA Presidents Forum.

AUA Board Meeting menjadi wadah kepada wakil-wakil universiti yang menganggotai kesatuan ini untuk membincangkan hal-hal berkaitan pengurusan dan aktiviti AUA. AUA Presidents Forum pula memberi ruang kepada pemimpin-pemimpin universiti untuk berinteraksi bersama peserta dalam sesi perbincangan panel mengenai pengajian tinggi dalam konteks Asia.

Sebagai satu-satunya ahli AUA dari Malaysia, UM mengambil bahagian secara aktif dalam kesatuan ini yang dipelopori oleh Tsinghua University sejak tahun 2017 dan terdiri daripada 15 universiti terkemuka di rantau Asia.



University Alliance in Talent Education Development (UAITed)

16 Disember 2019, Taiwan

UM menjadi salah satu ahli bagi kesatuan antarabangsa baru iaitu UAITed yang dilancarkan pada 16 Disember 2019 di Taipei, Taiwan. UAITed dianggotai 16 universiti pengasas dari 4 negara iaitu Taiwan, Hong Kong, Malaysia dan Singapura. Fokus utama kesatuan ini adalah pembangunan bakat dalam kalangan generasi muda yang bersedia untuk masa hadapan melalui kolaborasi strategik dalam tiga bidang tumpuan utama iaitu latihan industri, pendidikan dan inovasi.



Persidangan Asia Pacific Association for International Education (APAIE) 2019

25-27 Mac 2019, Malaysia

APAIE merupakan program persidangan pendidikan tinggi terbesar di rantau Asia Pasifik yang memberi fokus kepada pendidikan antarabangsa. Pada tahun 2019, ia telah julung kali diadakan di Malaysia dan dihoskan bersama oleh empat (4) universiti awam termasuk UM dan tiga (3) universiti swasta. Tujuan utama persidangan APAIE adalah untuk mengumpulkan pemimpin dan tokoh pendidikan dari seluruh dunia untuk berkongsi tentang perkembangan baharu dalam pendidikan antarabangsa. Penganjuran APAIE yang berlangsung pada 25-27 Mac 2019 telah berjaya mengumpulkan lebih daripada 2,500 perwakilan dari 60 buah negara.

Persidangan akhir projek Erasmus+ Marco Polo

16-18 Disember 2019, Malaysia

Projek Marco Polo adalah inisiatif konsortium tiga (3) universiti dari Eropah iaitu University of Seville (Sepanyol), Heriot-Watt University (UK) dan FH Joanneum (Austria), bersama enam (6) rakan institusi dari Malaysia, Thailand dan Vietnam. Objektif projek ini adalah untuk memupuk kerjasama serantau melalui reka bentuk dan pelaksanaan rancangan yang akan menyumbang kepada; pemodenan Pejabat Perhubungan Antarabangsa negara-negara peserta; mempromosikan rangkaian kerjasama antarabangsa di antara universiti; mengukuhkan perkongsian pengetahuan mengenai pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan; merancang kerangka kerja mobiliti serantau dan antarabangsa yang inovatif untuk pelajar, akademik, penyelidik dan kakitangan Universiti.

Dalam persidangan akhir MARCO POLO, kesemua rakan kongsi projek telah membentangkan amalan terbaik dalam pengantarabangsaan dan laporan aktiviti yang diperoleh selama tiga tahun projek tersebut. Persidangan tersebut juga dihadiri oleh sebilangan besar perwakilan dari rakan institusi di Asia, serta profesor dan pelajar dari UM dan universiti tempatan lain. Ucaptama telah disampaikan oleh TYT María Castillo Fernández, duta delegasi EU di Malaysia yang membincangkan mengenai kerjasama antara EU dan Asia Tenggara.




4.3.2 Pelajar Antarabangsa


UM telah mencatat bilangan enrolmen pelajar antarabangsa Ijazah Dasar sepenuh masa pada tahun 2019 adalah seramai 898 orang daripada 54 buah negara dengan peningkatan sebanyak 15% berbanding tahun 2018 (783 orang).


Bagi enrolmen pelajar antarabangsa Ijazah Tinggi pula, terdapat penurunan sebanyak 9% iaitu 2,665 orang (daripada 84 negara) pada tahun 2019 berbanding 2,944 orang pada tahun 2018.

Pelajar Antarabangsa



Bilangan pelajar antarabangsa bagi Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi mengikut negara bagi tahun 2019.





Program mobiliti merupakan antara inisiatif pengantarabangsa yang giat dijalankan oleh UM dalam usaha memperluaskan hubungan antarabangsa melalui pertukaran idea dan pengalaman pelajar-pelajar tempatan atau luar negara. Pada tahun 2019, UM memberi fokus kepada pelajar dalam kalangan B40 bagi memberi pendedahan dan peluang kepada golongan pelajar ini untuk mendapat pengalaman di peringkat global melalui program mobiliti ini.

Secara umumnya, seramai 547 (21%) pelajar daripada kalangan B40 telah mendapat faedah dalam penyertaan program outbound pada tahun 2019, manakala 2,014 pelajar (73%) adalah daripada kalangan pelajar M40 dan T20.

4.3.3 Program Mobiliti

Program mobiliti merupakan antara inisiatif pengantarabangsa yang giat dijalankan oleh UM dalam usaha memperluaskan hubungan antarabangsa melalui pertukaran idea dan pengalaman pelajar-pelajar tempatan atau luar negara.

Pada tahun 2019, UM memberi fokus kepada pelajar dalam kalangan B40 bagi memberi pendedahan dan peluang kepada golongan pelajar ini untuk mendapat pengalaman di peringkat global melalui program mobiliti ini. Seramai 547 (21%) pelajar daripada golongan B40 terlibat dalam penyertaan program *outbound* pada tahun 2019,

manakala 2,014 pelajar (73%) adalah daripada golongan pelajar M40 dan T20.



Program *Outbound* yang disertai oleh pelajar UM merangkumi program mobiliti jangka panjang, jangka pendek, latihan industri, penempatan elektif, lawatan sambil belajar, program kepimpinan dan sebagainya. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan yang drastik apabila 70% pelajar menyertai program *Outbound* bagi tahun 2019 iaitu seramai 2,561 orang berbanding dengan 1,503 pelajar pada tahun 2018.

Daripada keseluruhan 2,561 pelajar yang telah mengikuti program mobiliti di luar negara, 692 (27%) pelajar memperoleh pemindahan kredit dan 109 (38%) pelajar menerima bantuan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (ASEAN International Mobility for Students AIMS) dan penaja lain seperti ASEAN Universiti Network (AUN), Japan Student Services Organization (JASSO), POSCO, Asia Universities Alliance (AUA), serta bantuan daripada rakan universiti kerjasama (*partner universities*) dan lain-lain. Bilangan pelajar yang mendapat tajaan pelbagai institusi dari dalam dan luar negara telah meningkat iaitu daripada 92 orang bagi tahun 2018 kepada 114 orang bagi tahun 2019.

Bilangan pelajar mobiliti *inbound* antarabangsa di UM telah meningkat pada tahun 2019. Berbanding tahun 2018, bilangan pelajar mobiliti *inbound* telah menunjukkan peningkatan sebanyak 12%. Seramai 2,534 pelajar *inbound* dari 52 negara telah mendaftar dalam program mobiliti satu

semester, program mobiliti jangka pendek, program pelajar penyelidik (*Non-Graduating Research*), penempatan elektif atau klinikal, latihan industri dan sebagainya.


Daripada keseluruhan 2,534 pelajar yang telah mengikuti program mobiliti *inbound* di UM, semua pelajar program mobiliti jangka panjang (1,272) dengan anggaran 50% memperoleh pemindahan kredit dan telah menerima tajaan atau bantuan kewangan sama ada dalam bentuk pengecualian bayaran yuran pengajian (*tuition fee waiver*), penginapan dan/atau pemberian elaun sara hidup. Penajaan ini adalah berasaskan perjanjian timbal balik (*reciprocal*) di mana pelajar *outbound* UM akan turut menerima faedah yang sama daripada rakan institusi di luar negara.




Senarai penaja bagi Program Outbound 2019.

Penaja	Pelajar yang Menerima Tajaan
AIMS	19
Temasik Foundation Scholarship	15
ERASMUS + ICM	10
AMERTA X Universitas Airlangga	10
POSCO	9
Mevlana	8
JASSO	5
AUA - Colombo	5
Soka Scholarship	4
ERASMUS + Marco Polo	8
MEXT Scholarship	3
IIT Bombay - AUA	3
Heiwa Nakajima Scholarship	2
Korean Government Scholarship	2
Canadian-ASEAN Scholarship	2
APRU ULP 2019	2
IIT 3S - AUA	2
KNPU	2
Texas Tech University Scholarship	1
Yayasan Khazanah Scholarship	1
AUN-ELP	1
Jumlah Keseluruhan	114

Bilangan pelajar UM yang mengikuti Program Outbound



Bilangan pelajar UM yang mengikuti Program Inbound



A woman wearing a purple hijab, a light blue surgical mask, and a blue lab coat is working in a laboratory. She is wearing yellow gloves and holding a handheld device with a black cord. The background shows a laboratory setting with various equipment and a grid ceiling.

05 | PENYELIDIKAN DAN INOVASI

5.1 Tadbir Urus Penyelidikan dan Inovasi

Tahun 2019 telah melakarkan kecemerlangan kepimpinan penyelidikan dan inovasi UM dalam menyusun strategi memampankan aspirasi penyelidikan dan inovasi Universiti.

Tadbir urus dan sistem governan penyelidikan dan inovasi telah diperkasakan dengan membudayakan penyelidikan serta meningkatkan sinergi libatsama di antara Universiti, industri dan kerajaan. Rangkaian strategik kolaborasi penyelidikan dengan badan luar dan antarabangsa secara kolektif telah mampu melonjakkan imej dan reputasi UM dalam pencapaiannya di arena global dan selaku Universiti Penyelidikan tempatan terunggul. Perancangan ke arah membudayakan penyelidikan juga telah berjaya melahirkan penyelidik yang berbakti kepada masyarakat dan komuniti setempat melalui program yang dirancang untuk peningkatan sosial dan ekonomi masyarakat. Strategi mengukuhkan governan penyelidikan telah dilaksana melalui penstrukturan semula Kluster Penyelidikan daripada enam (6) kepada empat (4) kluster.



Cabaran signifikan tahun 2019 dalam bentuk kekangan penyaluran geran penyelidikan kerajaan telah melahirkan penyelidik yang berkemampuan untuk tidak bergantung pada geran dalaman sebaliknya berusaha memupuk jalinan kolaborasi dan usahasama dengan rakan industri dan antarabangsa. Strategi ini telah berjaya menghasilkan peningkatan sumber geran antarabangsa dalam tahun 2019 kepada Universiti berbanding tahun-tahun yang sebelumnya.

Ekosistem penyelidikan dan inovasi UM telah berjaya memaparkan petunjuk positif dalam tahun 2019. Sebagai rangsangan untuk kejayaan pada masa akan datang strategi terfokus perlu diambil inisiatif termasuk strategi lebih agresif dalam aktiviti pengkomersialan, penjanaan kolaborasi kukuh melalui *partnerships*, integrasi program penyelidikan asas dan fundamental, membangunkan polisi data terbuka untuk penyelidikan dan akhir sekali sistem governan penyelidikan yang ditambah baik secara berterusan. Pelaksanaan inisiatif ini akan menjadi kunci kepada kejayaan untuk menterampirkan penyelidikan dan inovasi UM di peringkat tempatan dan global.


5.2 Peruntukan Geran Penyelidikan

Usaha UM untuk memastikan kakitangan akademik dan penyelidik menempatkan diri mereka setanding dengan para penyelidik di peringkat antarabangsa juga telah memperlihatkan hasil. Hebahan secara meluas telah dijalankan dengan kaedah "Search and Find" melalui pelbagai laman sesawang dan hubungan kerjasama sebelum ini bagi memastikan penyelidik UM mendapat maklumat terkini serta input yang tepat bagi membantu mereka menyediakan kertas cadangan yang menepati kriteria penaja. Penyelidik kini juga telah menampakkan peluang yang diberikan oleh pihak Kerajaan melalui geran penyelidikan yang disediakan bagi meluaskan hubungan kerjasama bukan sahaja di peringkat nasional malah dengan institusi antarabangsa. Geran yang disediakan oleh Kerajaan merupakan pembuka peluang untuk projek di fasa seterusnya bagi meluaskan skop penyelidikan dan seterusnya memberi impak yang berpanjangan kepada masyarakat dan negara khususnya.

Jumlah peruntukan yang diterima mengikut jenis geran penyelidikan bagi tahun 2018 dan 2019

Sumber Geran Penyelidikan	Jumlah Peruntukan (RM)		Peningkatan/ Penurunan
	2018	2019	
Geran Dalaman (RU)	29,650,022.41	25,071,284.66	↓ 15.4%
Lain-lain Agensi Kerajaan, GLC	8,751,854.53	65,736,705.70	↑ 651.1%
Industri	4,491,462.41	2,009,656.15	↓ 55.3%
Swasta	6,262,447.44	1,811,958.80	↓ 71.1%
Antarabangsa	23,996,728.82	6,770,551.26	↓ 71.8%
Jumlah Keseluruhan (RM)	73,152,515.61	101,400,156.57	↑ 38.6%





Jumlah peruntukan yang diterima mengikut jenis geran penyelidikan bagi tahun 2018 dan 2019

<div style="background-color: #1a3d4d; color: white; padding: 10px; border-radius: 15px 15px 0 0;"> <p style="text-align: center;">Geran Universiti berasaskan Peruntukan Universiti Penyelidikan (PUP)</p> </div> <div style="background-color: #e0e0e0; padding: 10px; border-radius: 0 15px 15px 15px; margin-top: 10px;"> <p style="text-align: center;">RM25,071,284.66 575 projek</p> <ul style="list-style-type: none"> Impact Oriented Interdisciplinary Research Grant (IIRG), Geran Penyelidikan Khas, Geran UMCARES dll. </div>	<div style="background-color: #e67e22; color: white; padding: 10px; border-radius: 15px 15px 0 0;"> <p style="text-align: center;">Geran daripada Agensi Kerajaan, GLC</p> </div> <div style="background-color: #e0e0e0; padding: 10px; border-radius: 0 15px 15px 15px; margin-top: 10px;"> <p style="text-align: center;">RM65,736,705.70 364 projek</p> <ul style="list-style-type: none"> Long Term Research Grant Scheme (LRGS), Unit Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) dan SMARTFUND di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Malaysian Palm Oil Board (MPOB), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Bank Negara Malaysia dll. </div>	<div style="background-color: #1a3d4d; color: white; padding: 10px; border-radius: 15px 15px 0 0;"> <p style="text-align: center;">Geran Antarabangsa</p> </div> <div style="background-color: #e0e0e0; padding: 10px; border-radius: 0 15px 15px 15px; margin-top: 10px;"> <p style="text-align: center;">RM6,770,551.26 79 projek</p> <ul style="list-style-type: none"> Malaysia Thailand Joint Authority (MTJA), Scottish Association For Marine Science (SAMS), Motorola Solutions Foundation, The ALS Association Of America, The World Bank (Knowledge And Research Hub), Erasmus+ Capacity Building In Higher Education, The British Council, Yayasan Sime Darby dll. </div>
<div style="background-color: #e67e22; color: white; padding: 10px; border-radius: 15px 15px 0 0;"> <p style="text-align: center;">Geran Penyelidikan daripada Badan Industri dan Swasta</p> </div> <div style="background-color: #e0e0e0; padding: 10px; border-radius: 0 15px 15px 15px; margin-top: 10px;"> <p style="text-align: center;">RM3,821,614.95 74 projek</p> <ul style="list-style-type: none"> SANOFI-AVENTIS (MALAYSIA) Sdn. Bhd., Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM), Halfen Moment Sdn Bhd, UMW Toyota Motor Sdn Bhd dll. </div>		

5.3 Pencapaian dalam Penyelidikan

5.3.1 Penerbitan

Penerbitan UM bagi tahun 2015 sehingga 2019

Kategori Penerbitan	Tahun				
	2015	2016	2017	2018	2019
Penerbitan dalam ISI Web of Science	3,371	3,454	3,045	2,593	2,509
Penerbitan dalam Scopus	3,933	3,995	3,630	2,628	2,978
Penerbitan buku penyelidikan dan bab dalam buku	422	310	410	240	352
Kertas polisi	0	1	2	0	0
Lain-lain Penerbitan (kajian kes, laporan teknikal, artikel dalam majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan daripada persidangan, digital atau media cetak)	884	874	826	1,104	1,552
Jumlah	8,610	8,634	7,913	6,565	7,391

(Berdasarkan data Perpustakaan UM dan MyRA sehingga 31 Disember 2019)

Pencapaian penerbitan berdasarkan Journal Citation Reports (JCR).

Jurnal Tier	Bilangan penerbitan 2018 berdasarkan JCR 2017	Bilangan penerbitan 2019 berdasarkan JCR 2018
Total Q1 & Q2	1,713	1,612
Top 10% journals (<10.5%)	363	111
Top 1% journals (<1.5%)	35	12

Kualiti penerbitan berdasarkan jumlah sitasi yang diterima pada tahun semasa.

Kategori	ISI Web of Science Index		Scopus Index	
	Tahun 2018	Tahun 2019	Tahun 2018	Tahun 2019
Jumlah penerbitan pada tahun semasa	2,593	2,509	2,628	2,978
Jumlah sitasi yang diterima pada tahun semasa	2,637	2,828	3,498	3,961
Sitasi per penerbitan	1.02	1.13	1.33	1.33

5.3.2 Anugerah

Selain daripada penerbitan, pencapaian dalam bentuk anugerah turut diterima oleh para penyelidik UM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Anugerah peringkat kebangsaan.

No.	Nama Penyelidik	Fakulti	Anugerah	Badan Pemberi Anugerah
1	Dr. Faizuri Abd. Latif	Akademi Pengajian Islam	Anugerah Buku Negara (Kategori Pengajian Tinggi-Buku Biografi Terbaik)	Yayasan Pembangunan Buku Negara
2	Prof. Dr. Yahaya Ahmad	Fakulti Alam Bina	<i>Malaysia's Research Star Award 2019 (Citation Classic Category)</i>	Kementerian Pendidikan Malaysia
3	Prof. Madya Dr. Lim Kian Ping	Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran	<i>Top 25% Authors in Malaysia, Top 25% Institutions and Economists in Malaysia</i>	IDEAS, Research Papers in Economics (RePEc)
4	Prof. Md. Abul Kalam	Fakulti Kejuruteraan	<i>Malaysia's Research Star Award 2019</i>	Kementerian Pendidikan Malaysia

No.	Nama Penyelidik	Fakulti	Anugerah	Badan Pemberi Anugerah
5	Prof. Ir. Dr. Fatimah Ibrahim	Fakulti Kejuruteraan	<i>Top Research Scientist Malaysia 2019</i>	Akademi Sains Malaysia
6	Prof. Madya Dr. Dorothy Dewitt	Fakulti Pendidikan	<i>Minister of Education's Special Awards: Immersive Teaching and Learning (Naib Johan)</i>	Kementerian Pendidikan Malaysia
7	Prof. Dr. Mohd Nazari Ismail	Fakulti Perniagaan dan Perakaunan	Anugerah Buku Negara-Buku Umum Terbaik (Kategori Ekonomi)	Yayasan Pembangunan Buku Negara
8	Prof. Madya Dr. Chris Chan Yin Wei	Fakulti Perubatan	<i>MSS Presidential Best Research Award</i>	7th International MSS Scientific Congress, Malaysia Spine Society (MSS)
9	Dr. Lee Yee Wan	Fakulti Perubatan	<i>Young Investigator Award</i>	Malaysia Society of Nephrology
10	Dr. Nurshadia Samingan	Fakulti Perubatan	<i>Young Investigator Award</i>	Malaysian Endocrine and Metabolic Society
11	Prof. Dr. Gan Shiaw Sze @ Gan Gin Gin	Fakulti Perubatan	<i>Gold Award-Best Clinical Abstract</i>	Malaysian Society of Haematology
12	Prof. Dr. Kwan Mun Keong	Fakulti Perubatan	<i>MSS Presidential Best Poster Award</i>	7th International MSS Scientific Congress, Malaysia Spine Society (MSS)
13	Prof. Dr. Sazaly Abu Bakar	Fakulti Perubatan	<i>Malaysia's Research Star Award 2019: Research and Innovation Excellence (Clinical and Health Sciences)</i>	Kementerian Pendidikan Malaysia
14	Prof. Dr. Thong Meow Keong	Fakulti Perubatan	<i>Minister of Education's Special Awards: Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI) 2019 (Kategori Pentaksiran Alternatif)</i>	Kementerian Pendidikan Malaysia
15	Prof. Madya Dr. Chan Yoke Fun	Fakulti Perubatan	<i>Asian Women Entrepreneurs Leadership Award (Science and Environment Category)</i>	Malaysia Chinese Women Entrepreneurs Association
16	Dr. Chai Lay Ching	Fakulti Sains	<i>Asian Women Entrepreneurs Leadership Award (Science and Environment Category)</i>	Malaysia Chinese Women Entrepreneurs Association
17	Prof. Dr. Gan Seng Neon	Fakulti Sains	<i>IKM Gold Medal Award Recipient</i>	Institut Kimia Malaysia
18	Dr. Ismail Ahmedy	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	Huawei ICT Competition Global Final Malaysia	Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd
19	Prof. Dr. Loo Chu Kiong	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	<i>Malaysia's Research Star Award 2019 (Research and Innovation Excellence)</i>	Kementerian Pendidikan Malaysia
20	Dr. Arba'iyah Mohd Noor	Fakulti Sastera dan Sains Sosial	Anugerah Buku Negara - Buku Umum Terbaik (Kategori Warisan)	Yayasan Pembangunan Buku Negara
21	Dr. Rosdeen Suboh	Pusat Kebudayaan	Anugerah Pelakon Lelaki Filem Terbaik 2019 - Anugerah Skrin 2019	TV3, Media Prima
22	Dr. Rosdeen Suboh	Pusat Kebudayaan	Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik 2019 - Festival Filem Malaysia 2019	National Film Development Corporation (FINAS)
23	Prof. Ir. Dr. Nasrudin Abd Rahim	Pusat Pengkhususan Tenaga Kuasa Termaju Universiti Malaya (UMPEDAC)	<i>Malaysia's Research Star Award</i>	Kementerian Pendidikan Malaysia
24	Ir. Dr. Lai Chin Wei	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Anugerah Saintis Muda Negara - Sains Fizikal	Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (MESTECC)

Anugerah peringkat antarabangsa.

No.	Nama Penyelidik	Fakulti	Anugerah	Badan Pemberi Anugerah
1	Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah Ismail	Akademi Pengajian Islam	<i>Asian Universities Alliance (AUA) Scholars Award</i>	Asian Universities Alliance (AUA)
2	Dr. Patricia Nora Anak Riget	Fakulti Bahasa dan Linguistik	<i>Chevalier de l'ordre des palmes academiques (Knight of the Order of Academic Palms)</i>	Government of France
3	Prof. Dr. Azirah Hashim	Fakulti Bahasa dan Linguistik	<i>Visiting Research Fellowship</i>	Trinity College Dublin
4	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Madya Dr. Santha Chenayah, • Prof. Madya Dr. Kuppusamy Singaravelloo • Datin Sri Prof. Dr. Suhaiza Hanim • Dr. Muraliraj Jagantheran 	Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran	<i>2019 Emerald Literati Awards - Winner</i>	Emerald Publishing
5	Dr. Lai Siow Li	Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran	<i>IUSSP CRVS Fellowship</i>	International Union for the Scientific Study of Population (IUSSP)
6	Prof. Dr. Noor Azina Ismail	Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran	<i>Asian Universities Alliance Scholars Award</i>	Asian Universities Alliance (AUA)
7	Prof. Madya Dr. Suhana binti Mohd Said	Fakulti Kejuruteraan	<i>Oman National Research Award 2019</i>	The Research Council of Oman
8	Prof. Madya Ir. Dr. Harikrishnan Ramiah	Fakulti Kejuruteraan	<i>Motorola Solutions Foundation Grant Award</i>	Motorola Solutions Foundation
9	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Faizul bin Mohd Sabri	Fakulti Kejuruteraan	<i>Asian Universities Alliance (AUA) Scholars Award</i>	Asian Universities Alliance (AUA)
10	Dr. Ong Hwai Chyuan	Fakulti Kejuruteraan	<i>Asian Universities Alliance (AUA) Scholars Award</i>	Asian Universities Alliance (AUA)
11	Prof. Madya Dr. Adelina Asmawi	Fakulti Pendidikan	<i>Outstanding Woman in Humanities and Social Sciences' (Major Area of Study - Education)</i>	4th Venus International Women Awards (VIWA) 2019, Venus International Foundation
12	Prof. Madya Dr. Dorothy Dewitt	Fakulti Pendidikan	<i>ETR&D 2019 Editors Reviewer Excellence Award</i>	Educational Technology Research Development , Springer, AECT
13	Prof. Madya Dr. Vishalache Balakrishnan	Fakulti Pendidikan	<i>Asian Universities Alliance Scholars Award</i>	Asian Universities Alliance (AUA)
14	Dr. Donnie Adams Paramasivam	Fakulti Pendidikan	<i>Asian Universities Alliance Scholars Award</i>	Asian Universities Alliance (AUA)
15	Dr. Mazni Abdullah	Fakulti Perniagaan dan Perakaunan	<i>Best Presenter</i>	Asian Business and Economics International Conference 2019
16	Prof. Dr. Ruzita Jusoh	Fakulti Perniagaan dan Perakaunan	<i>2019 Emerald Literati Awards - Highly Commended</i>	Emerald Publishing
17	Prof. Madya Dr. Jeannie Wong Hsiu Ding	Fakulti Perubatan	<i>SEAFOMP Young Leader Award 2019</i>	The South East Asian Federation of Organizations for Medical Physics (SEAFOMP)
18	Prof. Madya. Dr. Loh Siew Yim	Fakulti Perubatan	<i>UICC Technical Fellowship</i>	Union International Cancer Control 2019
19	Dr. Amber Haseeb	Fakulti Perubatan	<i>Dr Robert Bauze Trauma Silver Medal</i>	Asia Pacific Trauma Society (Asia Pacific Orthopaedic Association)
20	Dr. Chung Weng Hong	Fakulti Perubatan	<i>SRS Educational Scholarship Award</i>	Scoliosis Research Society

No.	Nama Penyelidik	Fakulti	Anugerah	Badan Pemberi Anugerah
21	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dr. Kwan Mun Keong • Pei Ying Ch'ng • Prof. Madya Dr. Chris Chan Yin Wei • Dr. Chung Weng Hong • Sin Ying Lee 	Fakulti Perubatan	<i>APSS Congress Best Clinical Research Award</i>	Asia Pacific Spine Society
22	Prof. Dr. April Camilla Roslani	Fakulti Perubatan	<i>Honorary Fellowship</i>	Association of Surgeons of India
23	Prof. Dr. Chua Kek Heng	Fakulti Perubatan	<i>RULA International Awards</i>	International Journal for Research under Literal Access
24	Prof. Dr. Fong Choong Yi	Fakulti Perubatan	<i>Endeavour Executive Leadership Award</i>	Government of Australia
25	Prof. Madya Dr. Chan Kok Gan	Fakulti Sains	<i>Fellow</i>	ASEAN Academy of Engineering and Technology
26	Dr. Khor Sook Mei	Fakulti Sains	<i>International Scholar Exchange Fellowship</i>	Chey Institute for Advanced Studies, South Korea
27	Dr. Ng Boon Kwee	Fakulti Sains	<i>Asian Universities Alliance Scholars Award</i>	Asian Universities Alliance
28	Dr. Noor Idayu Mat Zahid	Fakulti Sains	<i>22nd Journal of Oleo Science Editors' Award</i>	Journal of Oleo Science
29	Prof. Dr. Nor Aishah Hamzah	Fakulti Sains	<i>Asian Universities Alliance Scholars Award</i>	Asian Universities Alliance
30	Prof. Madya Dr. Rosli Salleh	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	<i>Expert Level Instructor for 2018</i>	CISCO
31	Dr. Geetha Govindasamy	Fakulti Sastera dan Sains Sosial	<i>Fellowship</i>	Cambodian Institute for Cooperation and Peace
32	Dr. Khoo Ying Hooi	Fakulti Sastera dan Sains Sosial	<i>ICNC Curriculum Fellow 2019</i>	International Centre for Nonviolent Conflicts
33	Mr. Wong Jyh Shyong	Pusat Kebudayaan	<i>Green Room Awards - Innovation in International Collaboration</i>	Green Room Awards Association (GRAA)
34	Prof. Madya Dr. Yarub Kahtan Abdul-Rahman Al-Douri	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	<i>Asian Universities Alliance (AUA) Scholars Award</i>	Asian Universities Alliance (AUA)
35	Dr. Zaira Zaman Chowdhury	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	<i>Excellent Scientist Award in Applied Chemistry and Chemical Engineering</i>	International Conference on Mathematical Engineering Applications for Sustainable Development 2019
36	Prof. Dr. Shaliza Ibrahim	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	<i>Asia Innovates - Leaders in Innovation Fellowships</i>	Royal Academy of Engineering


Para penyelidik UM turut meraih pelbagai kejayaan dalam pameran dan ekspso peringkat kebangsaan.



5.4 Pusat Kecemerlangan Universiti Malaya

Program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi atau *Higher Institution Centres of Excellence (HICoE)* merupakan sebuah inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi memacu kecemerlangan penyelidikan institut pengajian tinggi dalam bidang tumpuan penyelidikan. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan keupayaan penyelidikan berimpak tinggi selaku pemangkin untuk mengangkat Malaysia sebagai penyumbang ilmu sejajar dengan visi HICoE untuk mencapai tahap entiti penyelidikan yang dirujuk dan disanjung dalam bidang berkaitan pada peringkat antarabangsa.

UM mempunyai enam (6) Pusat Kecemerlangan Universiti Malaya (UMCoE), dan empat (4) daripadanya merupakan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE).



*Nota: Penarafan HICoE

Pusat Penyelidikan Fotonik (PRC)

PRC telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia untuk melihat potensi teknologi penderiaan optik yang digunakan bagi memantau keadaan struktur cerun di tebing sungai dan lereng bukit bagi menghindari bencana alam yang tidak diinginkan. Sistem yang dicadangkan ini boleh diintegrasikan dengan jaringan komunikasi optik yang sedia ada.

PRC melalui Makmal *Optical Calibration Facility* yang telah mendapat pengiktirafan ISO 17025 telah aktif menyokong industri perkhidmatan komunikasi tempatan dengan membekalkan perkhidmatan kalibrasi untuk pembekal-pembekal perkhidmatan komunikasi di seperti Telekom, Celcom Axiata, Time dan Maxis. Perkhidmatan kalibrasi ini amat dititikberatkan oleh pembekal perkhidmatan komunikasi tersebut bagi memastikan kualiti pemasangan serta penyelenggaraan sistem dan jaringan komunikasi mereka mencapai piawaian antarabangsa

UM Power Energy Dedicated Advanced Centre (UMPEDAC)

Projek perkhidmatan perundingan peringkat antarabangsa yang dijalankan:

- “*Development of Electric Vehicle RoadMap*”
- “*Development of Training Needs, Capacity Building, and Standards to Support Electric Vehicles Value Chain in Malaysia*”

Melalui dana daripada United Nations Industrial Development Organization (UNIDO) yang berjumlah RM600,000.00, kedua-dua projek ini membantu pihak Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dalam kajian polisi *Road Map* dan pembangunan standard kereta elektrik di bawah komponen Low Carbon Mobility Blueprint and Action Plan untuk negara.

Projek perkhidmatan perundingan di peringkat kebangsaan yang dijalankan:

- Projek “*Mobile Hybrid Energy Storage System*” melalui pembiayaan geran Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) daripada MESTECC;
- Projek “*Innovative Technology for Solar Photovoltaic Thermal*” bersama UMW Toyota Motor Sdn Bhd; dan
- Projek “*To Gate Develop A Prototype System on Field Programmable Array (FPGA)*” bersama MIMOS Semiconductor (M) Sdn Bhd.

Institute of Ocean and Earth Sciences (IOES)

Pada tahun 2019, IOES telah diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi dengan penganugerahan status Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE) Fasa II.

IOES telah menganjurkan persidangan bertaraf antarabangsa, 3rd South China Sea Conference 2019 (SCS2019) dengan tema *Sea, Science & Societies: Forging Alliances in Facing Global Environmental Change* dianjurkan oleh IOES bersama-sama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), College of Marines Sciences of Xiamen University Malaysia dan First Institute of Oceanography, China. Persidangan ini bertindak sebagai saluran antarabangsa untuk memberi peluang kepada para saintis dan pembuat dasar yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan di Laut China Selatan untuk bertemu, berkongsi pendapat, dan mewujudkan hubungan kerjasama dalam membangunkan penyelidikan bersama di rantau ini.

IOES juga telah mengadakan “Bengkel Pemindahan Teknologi Grand Challenge Pengkulturan dan Produk Rumpai Laut Malaysia” yang bertujuan untuk memperkenalkan peluang industri rumpai laut yang mampan di kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia kepada komuniti setempat.

Tropical Infectious Diseases Research and Education Centre (TIDREC)

TIDREC terus melangkah ke hadapan dalam bidang penyelidikan dengan pencapaian berikut:

- penemuan spesies baru nyamuk yang didapati dwi jantina yang merupakan *vector* kepada *Japanese encephalitis virus* oleh Dr. Low Van Lun di kawasan tanaman getah Kuala Lipis, Pahang.
- pengiktirafan MS ISO/IEC 13485 untuk *Severe Dengue ELISA Kit (SDen-Detect)*. Kit ini digunakan untuk mendiagnos tahap denggi pada pesakit denggi. Pembuatan dan ciptaan kit ini adalah hasil kerjasama dengan Jabatan Farmakologi, Fakulti Perubatan.
- pengiktirafan industri dengan termeterainya MoA bersama syarikat Malaysian Vaccines and Pharmaceutical Sdn Bhd untuk membangun dan menghasilkan vaksin bagi virus Tembusu yang merupakan sejenis penyakit bawaan nyamuk yang menyerang industri ternakan itik di Malaysia.
- Kolaborasi bersama syarikat gergasi Jepun, Kirin Company Ltd. bagi mengkaji kesan makanan tambahan (*supplement*) ke atas komuniti yang berisiko tinggi menghidap penyakit demam denggi sebagai satu langkah pengawalan penyakit denggi.

Centre for Research in Biotechnology for Agriculture (CEBAR)

CEBAR menjadi antara peneraju utama dalam bidang penyelidikan bioteknologi moden kerana menjadikan UM sebagai institusi pengajian tinggi pertama di Malaysia yang memiliki fasiliti tanaman yang mematuhi pensijilan biokeselamatan tahap-2 (BSL-2) yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Hari Terbuka Fasiliti Tanaman Biotek (PBF) telah diadakan untuk mempamerkan kemudahan penyelidikan ini sebagai fasiliti utama bagi penyelidik yang menjalankan penyelidikan bioteknologi moden dan beberapa kejayaan yang telah dicapai hasil kerjasama di peringkat dalam dan luar negara.

CEBAR turut menganjurkan Program Teknik Tisu Kultur bersama golongan sasaran iaitu bekas penagih dadah bagi membantu proses pementapan kemahiran sendiri yang amat berguna dalam proses integrasi dengan komuniti.

Nanotechnology and Catalysis Research Centre (NANOCAT)

NANOCAT telah berjaya mendapat penarafan ISO 17025 bagi instrumen Raman Spektroskopi pada tahun 2019.

NANOCAT juga telah menjalinkan kerjasama dengan Hartalega Sdn Bhd untuk membangun dan mengkomersialkan sarung tangan nitril yang dapat mengesan logam. Ini merupakan inovasi baru produk keselamatan bagi industri makanan dan farmaseutikal.

Penerbitan hasil penyelidikan dan penjaan geran penyelidikan HICoE dan UMCoE.

HICoE/UMCoE	Penerbitan Hasil Penyelidikan (ISI-WoS Index)		Geran Penyelidikan (RM)		
	2018	2019	2018	2019	%
<i>Photonics Research Centre (PRC)</i>	91	110	16,545,884.00	2,874,713.00	-82.6
<i>UM Power Energy Dedicated Advanced Centre (UMPEDAC)</i>	46	39	4,194,402	1,197,976.69	-71.4
<i>Institute of Ocean and Earth Sciences (IOES)</i>	69	83	5,356,426.29	4,241,878.90	-20.8
<i>Tropical Infectious Diseases Research and Education Centre (TIDREC)</i>	37	29	3,729,807.51	1,601,479.85	-57.1
<i>Centre for Research in Biotechnology for Agriculture Centre for Research in Biotechnology for Agriculture (CEBAR)</i>	61	51	4,144,498.09	6,480,664.3 0	56.4
<i>Nanotechnology and Catalysis Research Centre (NANOCAT)</i>	141	177	1,592,957.00	9,723,766.00	510.4

5.5 Jaringan Industri dan Masyarakat

Dengan hala tuju untuk membangunkan sebuah ekosistem yang mampu menjana dan meningkatkan keterlibatan berimpak tinggi dan hubungan profesional antara UM dengan industri dan masyarakat, Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) telah ditubuhkan pada Jun 2017 dan kemudiannya dijenamakan semula sebagai Pejabat Jalinan Industri dan Masyarakat (PJIM) pada pertengahan 2019. Fokus utama PJIM adalah untuk melaksanakan usaha-usaha bagi mengukuhkan hubungan serta jaringan UM bersama pihak industri dan masyarakat dengan lebih proaktif dan efektif.

5.5.1 Hubungan Akademia-Industri

Libatsama universiti-industri merupakan perkongsian strategik yang bertumpu kepada pelaksanaan projek-projek secara terancang. Perkongsian ini melibatkan persetujuan penglibatan sebenar melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan profesional, sumbangan dan lain-lain dengan memaksimumkan sinergi usahasama universiti dan industri. Sepanjang tahun 2019, UM telah menjalankan 386 aktiviti libatsama bersama 304 rakan kolaborasi. Aktiviti libatsama ini merangkumi pemegang taruh yang terdiri daripada pihak industri (51%), komuniti (17%), agensi kerajaan (16%) dan akademia (16%).

Aktiviti Libatsama Industri dan Masyarakat



Rakan industri aktiviti libatsama UM



Sorotan Hubungan UM-Industri



Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kumpulan Genting untuk menubuhkan dan mengendalikan pusat penjagaan demensia di Segambut

Keterlibatan dalam Aktiviti Bersama Industri

- “The Gig Economy - Disruptive Innovation or Opportunity for Exploitation?” Forum
- USTART Industry Expert Series
- L’Oréal UNESCO For Women In Science National Fellowship Roadshow 2019
- myKidney Launch & Fun Run 2019
- UM ICE Global Spotlight series
- CEO@Faculty Programme
- UNIMAKER 2019 National Competition & UNIMAKER Finals



Kolaborasi Samsung Malaysia dengan Pusat STEM UM untuk menyediakan ruang pembelajaran STEM yang lebih inovatif, interaktif dan menarik melalui sumbangan tablet Samsung Galaxy dan TV pintar

Penempatan Latihan Industri dan Peluang Kerjaya di Industri

2,938 pelajar UM telah menjalani latihan industri


- 78% industri (GLC/Sdn. Bhd./ MNC)
- 21% agensi kerajaan
- 1% pusat komuniti (NGO).

Lantikan baru bagi CEO@Fakulti untuk sesi 2019/2020

- Pn. Surina Shukri, CEO, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)
- Tunku Alizakri Alias, CEO, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Dato’ Noorashidah Ahmad, *Vice President & General Manager*, Keysight Technologies
- En. Michael Yuan, CEO, Huawei Technologies Malaysia

5.5.2 Khidmat Perundingan

Sebanyak 188 projek khidmat perundingan telah diuruskan oleh Unit Perundingan UM dengan kos keseluruhan kajian bernilai RM24,330,179.14, iaitu peningkatan sebanyak 102% berbanding RM12,016,177.14 (137 projek) pada 2018. Aktiviti perundingan yang dilaksanakan melibatkan pelbagai bidang merangkumi kejuruteraan/teknologi, sains sosial, perubahan, sains dan perniagaan/ ekonomi.



Projek khidmat perundingan tahun 2018 dan 2019 mengikut bidang

5.5.3 Inovasi, Harta Intelek dan Pengkomersialan

Pusat Inovasi dan Pengkomersialan UM (UMCIC) terus bertindak sebagai saluran kepada pereka cipta, warga akademik serta para usahawan untuk merealisasikan cetsan idea, konsep dan produk penyelidikan mereka agar ia boleh dikomersialkan. Dalam konteks ini, UMCIC mengambil langkah-langkah yang perlu dalam jalinan usaha sama dengan pihak luar dan individu yang berinovasi dengan teknologi baru supaya dapat dikomersialkan. Tumpuan yang diberikan adalah kepada aktiviti berkaitan pengurusan harta intelek, inovasi dan pengkomersialan, teknopreneur, pemindahan teknologi, perlesenan teknologi dan pembangunan perniagaan untuk universiti. Selain itu, UMCIC juga membantu merancang, membangun, mempromosi serta memasarkan produk penyelidikan dan hasil reka cipta universiti termasuk pembentukan syarikat *spin-off*, usaha sama (*joint ventures*) dan pod-pod perniagaan Universiti.

Strategi utama UMCIC adalah berfokus kepada sasaran iaitu melonjakkan hasil penyelidikan, pembangunan dan inovasi sebagai penjana pendapatan tambahan. Pelbagai aktiviti pengkomersialan seperti perlesenan kepada pihak industri, penjualan produk, pemindahan teknologi melalui perlesenan pengetahuan dan penubuhan syarikat terbitan melalui Program Keusahawanan atau Teknopreneur UM. Bagi melengkapkan platform pengkomersialan, UM telah melangkah ke satu tapak dengan penubuhan Kompleks Inkubator Inovasi (I2U) atau dikenali UMxcelerate. Pelbagai

kemudahan fasiliti dan ruang-ruang dan pelbagai platform dalam mewujudkan keusahawanan dan kolaborasi di pelbagai peringkat. UMxcelerate terus berkembang dalam peranannya dalam mewujudkan kemudahan infrastruktur dan suasana yang kondusif serta mesra industri untuk program penterjemahan teknologi yang mampu memacu pembangunan produk dan pengkomersialan teknologi dalam bidang terpilih dan termaju termasuk peranti perubahan diagnostik (*in-vitro*), teknologi LED, IOT, nanoteknologi, teknologi minyak dan gas. Inisiatif ini merupakan salah satu daripada lima cabang Industri dalam Kampus (*Industry-on-campus*) yang terdapat di UM, objektifnya ialah untuk mencetuskan perkongsian industri-akademia dalam membina ekosistem inovasi negara. Lebih daripada 17 syarikat telah dalam proses untuk beroperasi di UMxcelerate, termasuklah My Conceptual Robotics Sdn. Bhd. (MyCRO), Galaxy Tech Sdn. Bhd, TRDY Dreamway Sdn. Bhd, CJBio Sdn. Bhd., ROSE Foundation, Caya Primer Sains Sdn. Bhd. dan Digital Artisan Sdn. Bhd.


UMCIC terus komited dalam usaha melindungi harta intelek yang bernilai hasil daripada aktiviti penyelidikan dan pengajaran warga Universiti serta penterjemahan harta intelek yang dilindungi kepada impak sosioekonomi yang bermanfaat kepada masyarakat. Peningkatan kriteria nilai komersial dan potensi impak sosial yang diguna pakai serta pengurusan aset intelektual yang proaktif dapat membantu usaha pemulangan pelaburan hasil dana penyelidikan dalam menjamin kelestarian kitar penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.

Harta intelek (IPR) UM yang didaftarkan dengan MYIPO dan UMCIC pada tahun 2018 dan 2019



Mengenai pengurusan proaktif dan usaha berterusan universiti dalam pengukuhan kualiti dan kebolehpasaran harta intelek, UM merupakan universiti awam pertama yang telah mengambil inisiatif menjalankan kerjasama strategik dengan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan bersama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dalam program penentuan nilai harta intelek. Melalui Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani pada 11 Mac 2019, pihak JPPH telah menjalankan penilaian ke atas 10 harta intelek dalam kategori paten sebagai permulaan. Sebanyak 10 paten mewakili spektrum teknologi yang berbeza telah dipilih untuk program kerjasama ini yang bakal dijadikan rujukan bukan sahaja kepada UM tetapi juga kepada semua institusi pengajian tinggi dan organisasi penyelidikan awam di Malaysia dalam menentukan nilai harta intelek untuk tujuan pengukuhan nilai harta intelek, pengkomersialan, pengurusan aset serta sebagai salah satu instrumen cagaran kewangan.

10 Teknologi yang dipersetujui untuk penilaian dengan kerjasama JPPH



UM Innovations Sdn. Bhd. (UMI) merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh UM dalam mencapai misi untuk menyediakan *platform* mesra industri bagi meningkatkan lagi peratusan kolaborasi bersama pihak industri melalui proses pemindahan teknologi dan pengkomersialan dari hasil penyelidikan universiti. Bagi menyokong matlamat ini, UMCIC menyumbang peranan dalam memantau dan membantu pod-pod perniagaan serta syarikat terbitan UM dalam perihal kewangan, penjaan pendapatan dan aktiviti lain yang terlibat dalam menjalankan perniagaan. Selain itu, UMCIC juga berfungsi dalam mengurus dan memantau segala perkhidmatan Inkubator serta perkhidmatan teknikal UM yang ditawarkan kepada pihak pod-pod perniagaan dan syarikat terbitan UM untuk menjalankan perniagaan serta membantu meningkatkan prestasi perkhidmatan UM pada tahap yang cemerlang.

Hasil inisiatif serta pakatan strategi sejajar dalam memberi pengukuhan terhadap kualiti dan kebolehpasaran harta intelek telah berjaya melahirkan puluhan pengkomersialan yang menjadi mercu tanda kejayaan UMCIC dalam memelopori bidang inovasi. Antara pod perniagaan yang menunjukkan hasil yang memberangsangkan merupakan Future Medical


Engineering Technology Solution (FMETs) yang diterajui oleh Prof. Ir. Dr. Fatimah Ibrahim. FMETs telah berjaya menggerakkan pembangunan dari segi mewujudkan teknologi terbaharu dalam penjagaan kesihatan dan perubatan. FMETs juga setakat ini dalam tempoh masa yang singkat telah berjaya memfailkan 11 paten selain mengeluarkan produk-produk seperti *Modular Bed Alarm (elderly care)*, *SMARTMF (salat auditing, general body composition and cholesterol monitoring)*, *BLUBOX (erectile dysfunction diagnosis)* dan *MYEMG (lower back pain monitoring)* hasil daripada penemuan penyelidikan. Melalui teknologi peranti perubatan, *Modular Bed Alarm*, sebuah alat pengimbas yang diletakkan di atas tilam yang dapat mengesan pergerakan pesakit sebelum mereka terjatuh dari katil atau melarikan diri. Dengan adanya inovasi berkenaan, kadar produktiviti di hospital dapat ditingkatkan dan mengurangkan bebanan tugas jururawat di hospital.

Inisiatif inkubasi pengkomersialan melalui pod perniagaan dan perkhidmatan (*business and service pods*) di bawah syarikat pemacuan inovasi UMI telah mencapai pendapatan kasar melebihi RM1 juta dalam aktiviti penjualan produk dan perkhidmatan yang telah dijalankan.

Perbandingan jumlah pod perniagaan dan syarikat terbitan aktif UM untuk tahun 2018 dan 2019



- ALGAE TECHNOLOGIES
- UM TROPICAL CAMP




- ZASVE
- ACTIVA
- ULTRA FILTRATION SYSTEM

- FSKTM TECHNOVATIONS
- ASEAN LIP
- INNOVATIVE ENGINEERING SERVICES & SOLUTIONS (iNESS)
- PTM SERVICES

- FMETS
- CENAR
- MEDRESS-CENTUARI
- ANIMAL EXPERIMENTAL UNIT (AEU)
- CENTRAL RESEARCH LABORATORY (CRL)
- ACT4HEALTH
- INFRA LAB
- UM SPORT SCIENCE SUPPORT SERVICES
- DEPARTMENT OF MEDICAL MICROBIOLOGY (DMM)
- MICRODIAGNOSTICS

- OLEOPHARMA SDN BHD
- GRANATECH SDN BHD



- ZECTTRON SDN BHD
- GLOBAL INSIGNIA SDN BHD
- FLEXILICATE SDN BHD

- FYLIX SDN BHD

- BIOAPPS
- UMCH TECHNOLOGY SDN BHD
- CYTUS SDN BHD

5.5.4 Kesejahteraan Komuniti dan Kelestarian

Pelbagai program bagi menyokong dan memacu UM ke arah sebuah universiti yang inklusif telah dilaksanakan melalui Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya (UMCares) sepanjang tahun 2019. Program jaringan masyarakat yang dilaksanakan sepanjang tahun ini melibatkan aktiviti pemindahan ilmu dan teknologi serta memperkukuh aspek kelestarian.

Projek Jalinan Masyarakat

Sumbangan berbentuk tunai dan ihsan sebanyak RM 389,624.90 berjaya diperoleh melalui pelbagai program kerjasama antara UM dan pihak luar. Antara pihak luar yang bekerjasama erat dengan UMCares adalah Mr. DIY Trading Sdn Bhd, ON Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd., Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat), DOE Training & Consultancy, Malaysia dan AEON Environmental Foundation.

Program Berprofil Tinggi (*High Impact*) Tahun 2019 merupakan tahun ketiga program berbentuk pertandingan iaitu '*DIY Made Simple*' dijalankan dengan kerjasama dari Mr D.I.Y Sdn. Bhd. Ternyata program berbentuk *experiential learning* ini menerima sambutan yang menggalakkan daripada sekolah-sekolah di Malaysia dengan penglibatan seramai 264 pelajar daripada 33 buah sekolah. Program ini juga membuktikan kerjasama empat hala (*quadruple helix*) antara universiti, kerajaan, industri dan komuniti dilaksanakan dengan jayanya atas komitmen semua pihak yang terlibat. Pada 21 Oktober 2019, memorandum perjanjian (MoA) antara Mr D.I.Y Sdn. Bhd. dan UM telah diadakan bagi meneruskan pertandingan '*DIY Made Simple*' untuk tempoh tiga tahun lagi.



Program Pemerksaan Pelajar

- **Pertandingan UMCares**

Bertemakan '*Towards Low Carbon Campus*', Pertandingan UMCares telah diadakan dengan penyertaan lebih daripada 50 mahasiswa UM daripada 8 kolej kediaman dalam mempromosikan usaha-usaha kelestarian kampus hijau.

- **Asian Students Environmental Platform (ASEP) 2019**

Di bawah tajaan Yayasan Alam Sekitar AEON, program berkonsepkan alam sekitar yang diadakan setiap tahun sejak 2012 telah memberi pendedahan kepada mahasiswa UM terhadap isu alam sekitar yang berlaku di negara tuan rumah serta menghayati sejarah dan budaya masyarakat setempat.

- **UM Tropical Camp**

Program berkonsepkan *edu-tourism* yang menggunakan alam semula jadi sebagai bilik darjah anjuran UMCares dengan kerjasama Fakulti Sains UM.



Program Promosi Kesihatan Minda Sihat

Berpandukan inspirasi daripada Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat), program ini bertujuan untuk mempromosikan dan mewujudkan kesedaran berkenaan kesihatan mental dalam kalangan belia. Penyertaan melibatkan seramai hampir 100 pelajar sekolah menengah daripada 5 buah sekolah.





06 | HAL EHWAL PELAJAR

6.1 Transformasi Perkhidmatan Hal Ehwal Pelajar

Idea pemusatan kolej kediaman Universiti Malaya tercetus pada bulan September 2018 selaras dengan matlamat Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) yang memfokuskan semula tumpuan serta menyusun strategi pembangunan pelajar dan pemerksaan modal insan yang lebih komprehensif.

Usul ini kemudiannya menerima kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada 20 Februari 2019. Tanggal 1 Mac 2019 secara rasmi menjadi titik bermulanya usaha pemusatan kolej kediaman. Pemusatan ini melibatkan pelbagai aspek pengurusan termasuklah urusan kewangan, aset, kenderaan, sumber manusia dan kualiti.

Rentetan daripada kejayaan Pemusatan Pengurusan Kolej Kediaman, BHEP telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan penstrukturan semula organisasinya dalam langkah mengintegrasikan proses kerja utama berkaitan pengurusan kolej kediaman ke dalam pentadbiran sedia ada. Inisiatif ini telah mula dilaksanakan secara berperingkat pada bulan Ogos 2019.

Perubahan Utama Penstrukturan Semula Organisasi BHEP



Urusan dan proses kerja melibatkan sumber manusia, kewangan dan kenderaan telah diserap masuk dan diletakkan di bawah Seksyen Pentadbiran dan Perkhidmatan Pelajar.



Seksyen Penginapan telah dijumlahkan dan satu seksyen baharu iaitu Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti telah diwujudkan.



Unit Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan dan Unit Pembangunan Pelajar telah digabungkan dan dinaiktaraf menjadi Pusat Kebolehpasaran Graduan, Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar. Urusan berkaitan pengetua-pengetua Kolej Kediaman turut diletakkan di bawah urus tadbir pusat ini.

Sejajar dengan transformasi perkhidmatan HEP dan menjiwai inspirasi 'Student First', penjenamaan baharu turut dibuat ke atas program-program pendaftaran dan orientasi pelajar UM yang kini berada di bawah Pengurusan HEP. Mulai sesi 2019/2020, Universiti Malaya Week of Welcome (UM-WOW) menjadi jenama utama diikuti oleh nama asal program yang masih dikekalkan sebagai subjenama untuk memelihara nostalgia kesemua program tradisi (Minggu Haluansiswa atau MHS, Majlis Meraikan Calon Baharu Pascasiswazah dan Minggu Suai Kenal Pelajar Asasi Sains).

Jenama UM-WOW



Proses penghasilan pelajar holistik dan graduan seimbang oleh UM menerusi penerapan faktor istimewa yang dapat mempersiapkan mereka untuk menembusi pasaran kerjaya dengan mudah.



Pengenalan terhadap pengalaman pembelajaran (*experiential learning*) dan kehidupan kampus yang bakal ditempuh oleh pelajar sepanjang tempoh pengajian sejajar dengan reputasi Universiti Malaya sebagai universiti terbaik tempatan.



Pengantarabangsaan imej untuk menarik minat pelajar-pelajar antarabangsa memilih UM sebagai destinasi pendidikan tinggi masing-masing.



Pengisian program lebih memberi tumpuan terhadap penglibatan pelajar baharu sepenuhnya, terutamanya pendedahan terhadap kehidupan kampus yang lebih menyeluruh di samping taklimat-taklimat penerangan urusan utama serta aktiviti-aktiviti penting berkaitan hal ehwal pelajar dan akademik. Pelbagai pembaharuan diperkenalkan semasa UM-WOW: MHS 2019/2020. Antaranya:


- Pengenalan sistem pendaftaran baharu;
- Pengaktifan status pelajar dan e-mel pelajar serta-merta;
- Pengagihan kad matrik pada hari pendaftaran;
- Pengasingan proses-proses sampingan yang berjalan sepanjang slot MHS;
- Pengurangan sesi taklimat penerangan secara fizikal;
- Pelaksanaan pendaftaran dalam dua (2) sesi untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas dalam kampus pada hari pendaftaran;
- Pengumpulan data pelajar yang lebih efektif dan komprehensif; dan
- Pengenalan aktiviti dan program yang lebih memberi penekanan terhadap pengalaman pembelajaran (*experiential learning*).

6.2 Mencakna Kebajikan Pelajar

Kebajikan dan kesejahteraan pelajar terus menjadi fokus utama dan agenda tetap BHEP. Tidak dapat dinafikan lagi, kemudahan lengkap, perkhidmatan berkualiti dan bantuan bersasar adalah penting untuk menyokong perkembangan pelajar dan meningkatkan pengalaman pembelajaran semasa pengajian di kampus. Justeru, BHEP sentiasa konsisten dalam mengkaji pendekatan dan kaedah baharu untuk menyediakan perkhidmatan sokongan dan menyalurkan bantuan kepada pelajar.

6.2.1 Penginapan

UM mempunyai 12 kolej kediaman di dalam kampus UM, satu di Kampus Nilam Puri, Kelantan dan dua penginapan khas (berkonsepkan rumah) iaitu Rumah Antarabangsa (IH) yang terletak di Seksyen 17 dan Apartmen Jepun yang terletak di Seksyen 16 (sekitar Rumah Kediaman Universiti). Keseluruhan kapasiti penginapan yang disediakan UM adalah sebanyak 13,585 orang pelajar.



Beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi menambah jumlah kapasiti penginapan dalam kampus:

- Menyewa fasiliti di Lembaga Amanah Kolej Islam Malaya (LAKIM) yang dijangka mula beroperasi pada September 2020 dan menyediakan tambahan kapasiti sebanyak 1,500 tempat. Projek LAKIM atau nama yang dirancang, Kolej Ketiga Belas sedang giat dilaksanakan secara berperingkat. Fasa renovasi pertama melibatkan kerja baik pulih 4 daripada 17 blok merangkumi 3 blok asrama dan 1 blok dewan serbaguna. Bagi memastikan fasiliti asas disediakan untuk kemudahan penghuni, lokasi kafeteria, kedai runcit, dobi, kedai fotostat dan alat tulis serta surau telah pun dikenal pasti. Setakat 31 Disember 2019, kemajuan projek berada pada tahap 36%.
- Mengambil alih pengurusan Apartmen Jepun daripada Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) mulai Januari 2019 yang dapat menawarkan kapasiti tambahan sebanyak 110 tempat (22 unit rumah).
- Mengenal pasti dan mengubah suai 9 buah Rumah Kediaman Universiti (RKU) sebagai rumah transit dan dijadikan projek "Perumahan Mikro" dengan jangkaan penambahan kapasiti sebanyak 180 orang. Kerjasama yang dicetuskan dari perbincangan Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) bersama YB Ahli Parlimen Lembah Pantai ini berjaya memperoleh sumbangan dana berjumlah RM270,000 untuk menjalankan kerja penambahbaikan infrastruktur dan menambah kapasiti penginapan.



6.2.2 Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Pelajar

Bagi melengkapkan perkhidmatan berteraskan kesejahteraan kepada pelajar UM, Klinik Kesihatan Pelajar (KKP) menyediakan fasiliti perubatan dan penjagaan kesihatan. Sepanjang tahun 2019, seramai 25,425 pelajar telah datang ke KKP untuk mendapatkan rawatan dan perkhidmatan kesihatan di bawah fungsi dan tanggungjawab utama berikut:



Satu perkhidmatan baharu, UMSHuttle@Medic telah diperkenalkan bagi memudahkan para pelajar yang mengalami masalah kesihatan pada waktu pejabat untuk mendapatkan rawatan kesihatan di Klinik Kesihatan Pelajar UM atau Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Perkhidmatan ini telah dilancarkan pada 29 Mei 2019. Sejak memulakan operasi pada 10 Jun 2019, sambutan terhadap perkhidmatan ini cukup memberangsangkan. Sehingga akhir Disember 2019, seramai 59 pengguna perkhidmatan tersebut yang telah direkodkan.

Bagi meningkatkan kesejahteraan pelajar dalam mendepani cabaran pengajian, program kesedaran dan intervensi saringan minda sihat bagi isu kesihatan mental di UM giat dilaksanakan oleh Seksyen Pengurusan Psikologi & Kaunseling, BHEP. Sepanjang tahun 2019, program yang terlibat meliputi dua aspek pelaksanaan iaitu program kesedaran, dan program pencegahan dan intervensi kaunseling.

Program Kesedaran dan Intervensi Saringan Minda Sihat

Program Kesedaran

- Bengkel Pengurusan Stres
- *Program Helping Skill & Mental Health*
- Bengkel Kesedaran kesihatan Mental (Kesejahteraan Emosi)
- Karnival Kaunseling & OKU Sempena Sambutan Bulan Kaunseling (Tema: kesejahteraan Emosi)
- Bengkel Kesedaran Penjagaan Kesihatan Mental dalam Kalangan Pelajar UM

Program Pencegahan dan Intervensi Kaunseling

- Saringan Minda Sihat Rancangan Persediaan Khas Jepun (RPKJ)
- Saringan Minda Sihat Pusat Asasi Sains UM (PASUM)
- Saringan Minda Sihat Pelajar Baharu

6.2.3 Bantuan Pelajar

Pada 2019, sebanyak RM1,164,000 sumbangan zakat diterima daripada badan-badan korporat dan 79.3% (RM922,750.00) telah diagihkan melalui Tabung Zakat Pendidikan Pelajar kepada 1,136 pelajar. Bagi Skim Tabung Kebajikan Pelajar, bantuan sebanyak RM275,678.90 telah diluluskan. UM terus komited dalam membantu meringankan beban pelajar kategori B40 dan BL40. Ini termasuk sumbangan bantuan khas daripada penyumbang perseorangan dan korporat berjumlah RM88,210.00 dan diagihkan kepada 293 pelajar. Selain itu, Bantuan Khas Makanan berjumlah RM271,600.00 turut diterima dalam pelbagai bentuk untuk diagihkan kepada pelajar dalam kategori BL40.



6.2.4 Inklusiviti Pelajar Orang Kurang Upaya

UM terus mengiktiraf hak pendidikan dan menunjukkan komitmen tinggi dalam memenuhi keperluan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menikmati faedah melanjutkan pengajian di universiti. Menerusi pembudayaan pendidikan inklusif, pihak Universiti giat berusaha memastikan kebajikan pelajar OKU sentiasa terjamin, terpelihara dan diberikan peluang setara tanpa sebarang halangan. Setakat sesi 2019/2020, jumlah mahasiswa OKU yang berdaftar di UM adalah seramai 72 orang.

Pelaksanaan program kebolehpasaran graduan dan keusahawanan

- *Job Coach* kepada Siswa OKU
- Latihan industri di Unit Pengurusan Siswa OKU, BHEP
- *The Untold Story of the Entrepreneur with Disabilities*
- Jalinan bersama PROTÉGÉ dalam membuka peluang siswa OKU UM dalam bidang keusahawanan

Kewangan dan kebajikan siswa OKU

- Biasiswa tajaan Yayasan Sime Darby, Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam, Yayasan MARA, Hong Leong Scholarship, Shell Scholarship, Zakat Selangor, Yayasan Baitulmal dan lain-lain
- Elaun tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bantuan Peralatan Tajaan Skim Tabung Kebajikan Pelajar

Kepemimpinan dan perwakilan pelajar OKU

- Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya (PERMIUM)
- Perwakilan Siswa OKU dalam Sekretariat Suara Siswa KMUM

Pelaksanaan program perkembangan inklusif pelajar

- *Inclusive Sports for All*
- Kaunseling Kelompok
- *Career Camp for Visual Impaired*

Pelaksanaan persekitaran inklusif

- UM Inclusive Map 3.0 (UMIMAP 3.0)
- Membuat pemeriksaan pembinaan laluan pejalan kaki Kompleks Perdanasiswa
- *Mockup* bilik OKU Kolej Kediaman Keenam, Kelapan & Kesebelas
- Audit akses Kompleks Perdanasiswa

Pelaksanaan program kesedaran inklusif

- *Disability Awareness Training*
- *Disability Awareness Training* kepada Staf UM
- Program Kesedaran Inklusif
- Karnival Kaunseling & Mesra OKU

Pengiktirafan pelajar dan graduan OKU

- *Tea Talk Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs) with PWD Students*
- Majlis Penghargaan dan Makan Malam Siswa Orang Kurang Upaya (OKU) bersama pihak Pengurusan UM



6.3 Pemerkasaan Pelajar Beridentiti Universiti Malaya

Holistik, seimbang dan berdaya saing merupakan ciri-ciri graduan yang menjadi dambaan setiap universiti. Keberkesanan dan keberhasilan sesebuah pelan pembangunan pelajar hanya dapat diukur berdasarkan kadar kebolehpasaran graduan dan tahap keupayaan pelajar menembusi pasaran yang semakin kompetitif. Kedua-duanya sering berkait rapat antara satu sama lain. Berdasarkan prinsip tersebut, penyusunan strategi dan pembangunan pelan transformasi berimpak tinggi telah dilaksanakan bagi menggilap potensi dan memperkasakan kompetensi diri pelajar agar memiliki kelebihan daya saing dalam pasaran kerja global.

Latihan Pelajar

Pusat Kebolehpasaran Graduan, Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar telah merangka takwim program untuk memperkasa dan melengkapkan pelajar dengan pakej kombinasi keperibadian diri yang diidamkan majikan. Takwim ini turut menyenaraikan program-program *signature* HEP berbentuk kursus, bengkel dan kem meliputi aspek kesukarelawan, kepemimpinan, pembangunan sahsiah dan jati diri. Antara program tersebut adalah Kursus Calon Pemudahcara Mahasiswa, Program Jati Diri, Kembara Inspirasi dan Kursus Asas Sukarelawan.



Pilihan Raya Kampus Sepenuhnya oleh Pelajar

Sejarah baharu telah dilakarkan dalam pengurusan hal ehwal pelajar apabila UM mempelopori pelaksanaan Pilihan Raya Kampus sesi 2018/2019 sepenuhnya oleh pelajar. Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya (JPRKUM) atau lebih dikenali dengan CEC UM telah ditubuhkan dengan keanggotaan seramai 21 siswa UM dan diberikan autonomi untuk menganjurkan pilihan raya kampus tanpa sebarang campur tangan pihak Pentadbiran atau Pengurusan Universiti. Pilihan raya kampus ini telah diadakan pada 4 Mac 2019 dan berjalan lancar dengan bantuan seramai 150 sukarelawan pelajar.

Keputusan ini menerima pujian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha memperkasakan pelajar melalui pengalaman penganjuran aktiviti utama politik kampus mengikut format profesional dan kaedah sebenar. Di samping itu, BHEP juga menjadi pakar rujuk oleh semua Pentadbir HEP universiti awam lain dan telah menghasilkan garis panduan lengkap mengenai kaedah pelaksanaan untuk rujukan dan panduan.



IdeaLab@HEP

Program IdeaLab dirangka dengan matlamat utama untuk

- mendidik dan menggalakkan para pelajar terhadap pemikiran kreatif dan budaya menyelesaikan masalah;
- mewujudkan peluang untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam merealisasikan pelbagai peluang yang realistik;
- menyediakan *platform* kepada para pelajar untuk berkongsi masalah-masalah utama yang dihadapi khususnya dalam aspek pembangunan pelajar; dan
- mendemonstrasikan idea-idea inovasi keusahawanan untuk direalisasikan menjadi produk atau servis baru.

EUSAHAWAN 4U
Discover how you can start your online business
11 December 2019 (Wednesday)
4.30 pm - 6.00 pm
IdeaLab Room, Block E, Kompleks Perdanasiswa

DIALOG SESSION HOW TO START YOUR BUSINESS
5 December 2019
5.00 pm - 6.00 pm
Idea Lab Room, Blok E, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaysia.

UNIVERSITI MALAYA IDEA LAB@HEP INVITES YOU TO :

JOB CREATING IDEAS
Discussions and talks on youth entrepreneurship & jobs creating generations.

21 November 2019 (5.00 - 6.00 pm)
UM IDEA LAB ROOM
Level G, Block E, Perdanasiswa Complex

SPEAKER :
PROFESSOR IR DR ABDUL AZIZ ABDUL RAMAN
DEPUTY VICE CHANCELLOR [STUDENT AFFAIRS]
UNIVERSITI MALAYA

Contacts :
Email : idealab@um.edu.my

Attach@UM

Attach@UM, sebuah program yang bersifat 'internship' telah dianjurkan oleh Pusat Kebolehpasaran Graduan, Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar dengan hasrat untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Seramai 197 pelajar Ijazah Dasar tahun pertama sesi 2018/2019 telah terpilih untuk menyertai kumpulan perintis program ini dan ditempatkan selama 10 hari bermula 1 hingga 12 Julai 2019 di 30 pusat tanggungjawab UM.

Tujuan utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan terhadap alam pekerjaan dan pengurusan organisasi di samping membuka perspektif baharu dan mempersiapkan pelajar di peringkat awal.

Program Bersama Rakan Industri

UM telah menjalinkan kerjasama dan kolaborasi terutamanya dalam aspek kerjaya dan kebolehpasaran graduan dengan pelbagai pihak industri bagi memperkayakan program pembangunan pelajar.

Gamuda Berhad	Citigroup Transaction Services (M) Sdn. Bhd	Malayan Banking Berhad
Malaysian Communications and Multimedia Commission	GEM Systems Sdn. Bhd.	Syncmax Management
Frost & Sullivan GIC (M) Sdn. Bhd.	Malaysian Investment Development Authority (MIDA)	Strand Aerospace Malaysia Sdn. Bhd.
JOBTIVITI Sdn. Bhd.	Persatuan Alumni Universiti Malaysia	Unilever (M) Holdings Sdn. Bhd.
Graduan, Bix Connexion Sdn. Bhd.	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS)	Akademi Usahawan Mikro Sdn. Bhd
Professional Training and Education for Graduating Entrepreneur (PROTEGE)	Xremo Sdn. Bhd.	Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)
Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd.	Habib Learning Sdn. Bhd.	

Kursus Kokurikulum

Sebanyak enam (6) kursus baharu diperkenalkan bagi menggantikan senarai kursus terdahulu dan ditawarkan bermula Semester Pertama Sesi 2019/2020 iaitu:

- GKA1001 Sangkutan@Industri
- GKI1001 Penyelidikan Bebas
- GKK1001 Khidmat Komuniti
- GKP1001 Pembangunan Bakat
- GKS1001 Kesukarelawanan
- GKU1001 Keusahawanan

Uniknya, kursus kokurikulum (Ko-K) dijalankan menggunakan kaedah pembelajaran sendiri dan pembelajaran melalui pengalaman tanpa sebarang kelas atau kuliah fizikal. Gred kursus ditentukan sendiri oleh pelajar menerusi kaedah penilaian sendiri bagi semua tugas bertulis yang merangkumi cadangan projek, log aktiviti dan refleksi aktiviti.

Sesi Town Hall Ko-Kurikulum bersama pelajar telah diadakan pada 11 September 2019 untuk menerangkan format dan kaedah pembelajaran. Seramai 3,723 pelajar menjadi kumpulan pertama yang mendaftar dan mengikuti kursus baharu ini.

UM@Komuniti

UM@Komuniti merupakan salah satu program inisiatif BHEP yang melibatkan kerja-kerja kemasyarakatan di sekitar Lembah Pantai.

• Program Sekolahku, Universitiku

Program baik pulih fasiliti dan pembangunan akademik oleh UM di dua buah sekolah terpilih iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Pantai (SKBP), Bangsar dan Sekolah Kebangsaan Kampung Selayang (SKKS), Kuala Lumpur. UM telah menjalankan kerja-kerja naik taraf serta baik pulih perpustakaan SKBP dan bilik media SKKS. Dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik, program melibatkan 100 sukarelawan termasuk pegawai dan staf UM serta guru sekolah.



• Program Siswa Bersama Komuniti Pantai Dalam - Surau Haji Salleh

Program gotong-royong, pembinaan semula surau, memasak bubur lambuk dan penyerahan sumbangan kepada Pengerusi Surau Haji Salleh yang telah terbakar. Program ini adalah hasil kerjasama antara BHEP dan Sekretariat Sukarelawan UM bersama komuniti Pantai Dalam.

Aktiviti Kesukarelawanan Antarabangsa

Sepanjang tahun 2019, pelajar UM konsisten cemerlang dalam melaksanakan program kesukarelawanan di peringkat antarabangsa. Usaha murni oleh badan pelajar dan kolej kediaman UM ini membuktikan nilai kemanusiaan masih wujud, bersifat sejagat dan tidak mengenal sempadan.

1

Regional Unity and Devotional Adventure (REVOLVE)

Songkhla, Thailand

2

Borderless Aid Volunteering (BRAVO)

Bojonegoro, Jawa Timur, Indonesia

3

Persatuan Bahasa Arab We Care, We Share

Ngampila Yogyakarta, Indonesia

4

Kurshiah Across Borders

An Giang, Vietnam

5

Volunteers' International Project 2.0

Wilayah Kratie, Kemboja

6

Sevens Internationalization Disability Awareness

Seoul, Korea Selatan

7

International Humanitarian Mission to Kemboja 5.0


Wilayah Sihanoukville, Kemboja

8

Thailand Global Community Service (GLOCOSE)

Phang Nga, Thailand



07 | PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA



7.1 Kapasiti Sumber Manusia

Dari segi perjawatan, jumlah keseluruhan staf UM pada tahun 2019 meningkat kepada 6,076 orang berbanding 6,027 orang pada tahun 2018. Bilangan ini meliputi 2,429 staf akademik dan 3,647 staf pentadbiran.

Statistik Keseluruhan Staf





Statistik staf akademik dan pentadbiran mengikut jawatan dan taraf lantikan.


Jawatan	Tetap	Kontrak*	Jumlah
STAF AKADEMIK			
Profesor Ulung	-	3	3 (0.1%)
Profesor Kehormat	-	59	59 (2%)
Profesor	199	42	241 (10%)
Profesor Madya	412	42	454 (19%)
Pensyarah Universiti Gred DS 45/51/52	755	222	977 (40%)
Pensyarah Perubatan Gred DU 51/52/53/54	194	19	213 (9%)
Pensyarah Pergigian DUG 51/52/53/54	42	11	53 (2%)
Pensyarah Farmasi Gred DUF 41/51/52/53/54	7	3	10 (0.4%)
Pensyarah Pelatih	33	-	33 (1%)
Felo Penyelidik Prinsipal	-	4	4 (0.2%)
Felo Penyelidik Kanan	-	10	10 (0.4%)
Felo Penyelidik	-	25	25 (1%)
Felo Penyelidik Pasca Doktorat	-	186	186 (8%)
Penyelidik Bersekutu	-	13	13 (1%)
Fulbright Scholar	-	2	2 (0.1%)
Guru Bahasa	64	61	125 (5%)
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	20	1	21 (1%)
Jumlah	1,726	703	2,429 (100%)
STAF PENTADBIRAN			
Pengurusan dan Profesional	459	253	712 (20%)
Pelaksana	2,693	242	2,935 (80%)
Jumlah	3,152	495	3,647 (100%)

*Catatan: Kontrak termasuk Kontrak Lepas Bersara, Pelawat dan Sementara.

Statistik penamatan perkhidmatan staf.


Jawatan	Tahun 2018	Tahun 2019
Bersara	116 orang (51.6%)	130 orang (57.0%)
Peletakan jawatan	96 orang (42.7%)	88 orang (38.6%)
Melepaskan jawatan	3 orang (1.3%)	4 orang (1.8%)
Meninggal dunia	10 orang (4.4%)	6 orang (2.6%)
Jumlah	225 orang	228 orang

7.2 Kemajuan Kerjaya dan Pembangunan Staf



Perancangan latihan dan pembangunan staf pada tahun 2019 dilakukan melalui kaedah *Training Needs Identification and Analysis* yang mula dilaksanakan pada tahun 2018 dengan memberi penekanan terhadap tiga aspek utama pembangunan iaitu *Knowledge, Skills & Attitude* seperti kursus penyeliaan dan kepimpinan, pengurusan dan perancangan strategik, kemahiran teknologi maklumat (IT), kemahiran bahasa, komunikasi, kreativiti dan inovasi, *work-life balance* / kerohanian dan beberapa kategori di bawah kumpulan kursus generik.

Peruntukan Latihan yang disalurkan kepada Bahagian Sumber Manusia melalui Seksyen Pembangunan Bakat (SPB) untuk menganjurkan kursus bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM700,000.00.




75.9% pencapaian bagi sasaran staf untuk menghadiri 3 hari kursus

Pihak Pengurusan UM telah menetapkan sasaran baharu selaras dengan pelan strategik UM dalam memastikan pembangunan staf dipertingkatkan seiring peredaran masa. Justeru, berdasarkan perancangan latihan tahun 2019, kursus berdasarkan fungsi jawatan mengikut gred telah dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi staf. Pelaksanaan ini turut selaras dengan hasrat Universiti dalam memacu kecemerlangan seiring hasrat menjadi antara 100 universiti terbaik di dunia.

Terdapat 60 staf yang telah lulus menjadi Jurulatih Dalaman turut dimanfaatkan melalui kursus *Train The Trainers* yang telah diadakan pada tahun 2017 dan 2018. Mereka terdiri daripada 12 skim perkhidmatan di UM. Penganjuran kursus fungsian pada tahun 2019 dikendalikan sepenuhnya oleh Jurulatih Dalaman dan ia memfokuskan kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran melalui kompetensi yang diperlukan oleh staf. Secara tidak langsung, Jurulatih Dalaman dapat meningkatkan kompetensi kepimpinan dan kepakaran dalam bidang perkhidmatan masing-masing.

Selain kursus anjuran dalaman, warga universiti diberi peluang untuk mengikuti kursus anjuran luar dan impaknya dapat menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan diri dan modal insan universiti.



Kursus-Kursus Lain Anjuran Bahagian Sumber Manusia

216

Staf
Kumpulan
P&P

Kursus Orientasi Staf Baharu

Meningkatkan kefahaman staf baharu yang bertaraf tetap atau kontrak mengenai Tadbir Urus Universiti

238

Staf Kumpulan
P&P dan
Kumpulan
Pelaksana

Kursus Program Transformasi Minda

Salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan

60

Peserta

Kursus Pra-Persaraan

Memberi pendedahan dan persiapan awal kepada kumpulan pesara untuk bersedia menghadapi alam persaraan

Kursus Pembangunan Kelestarian Kampus UM

Memupuk kesedaran dan meningkatkan kualiti kemahiran staf sebagai ejen penggerak inisiatif kelestarian kampus di PTJ

123

Peserta





UNIVERSITI MALAYA

08 | PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR


PERALAMAN
PENERBITAN
KESELAMATAN
CAUTION
SECURITY CHECK

8.1 Kelestarian Kampus

Kelestarian kampus merupakan salah satu elemen tumpuan utama dalam perancangan tahunan bagi memastikan persekitaran kampus yang terjaga dan menjamin kesejahteraan warga kampus.

Dalam usaha berterusan menjaga kelestarian kampus, sokongan daripada beberapa pihak penting termasuk Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB), Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan UM Sustainability and Living Labs Secretariat (UMSLLS) memberikan impak yang sangat besar kepada hasil dan pencapaian oleh UM. Pada tahun 2019, UM telah melancarkan lagi sejarah pencapaian yang membanggakan melalui UI GreenMetric World University Ranking 2019 dengan merekodkan pencapaian tangga ke-34 dengan dua tangga kenaikan berbanding pada tangga ke-36 pada tahun 2018 daripada 780 penyertaan institusi pengajian tinggi seluruh dunia.

Berdasarkan penarafan Times Higher Education University Impact Rankings on Sustainable Development Goals (THE UIR SDGs) 2019 yang melibatkan penyertaan lebih 450 universiti di dunia, UM menduduki dalam kelompok 101-200 dengan pencapaian utama bagi *SDG3 Health & Wellbeing*, *SDG12 Responsible Consumption & Production*, *SDG4 Quality Education* dan *SDG17 Partnerships for the Goals*. Ini secara tidak langsung menunjukkan perhatian yang serius dititikberatkan oleh semua pihak terlibat dalam memastikan UM sentiasa mendapat tempat terbaik di mata dunia dalam aspek kelestarian kampus.



Congratulations

UNIVERSITI MALAYA

UI GreenMetric World University Rankings

UN COMMITTED TO: SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

UM RANKED **#34** WORLD'S MOST SUSTAINABLE UNIVERSITY IN UI GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2019

34th World's Most Sustainable University

*out of 780 institutions worldwide

79% Overall Score (Increase of 4% compared to 2018)

ACHIEVEMENTS:

- 100% Water Management Initiatives
- 95.8% Education & Research Initiatives (Sustainability)
- 83.3% Waste Management Initiatives
- 81.9% Transportation Management Initiatives
- 73.3% Setting & Infrastructure Initiatives
- 52.4% Energy & Climate Change Initiatives

RECOGNIZED AMONG THE:

- Best Water Management in Malaysia
- Best Education & Research (Sustainability) in Malaysia
- Best Waste Management in Malaysia

2018: 36, 2019: 34

University of Malaysia | unimolaya | www.um.edu.my



Sebanyak 20 projek UM Living Labs dengan jumlah keseluruhan RM500,000 telah diluluskan di bawah UMSLLS. Kesemua projek ini menyumbang kepada pelaksanaan pelan tindakan bagi 8 Bidang Teras Pelan Pembangunan Eko-Kampus UM (*UM Eco-Campus Blueprint*) yang dilancarkan pada 2016.



Sumbangan Utama Projek UM Living Labs Terhadap Prestasi Alam Sekitar

Pengurusan sisa melalui *UM Zero Waste Campaign*

- 174,827.3kg sisa yang berjaya ditransformasikan kepada sumber berharga
- RM 45,000.00 kos pengangkutan sisa yang berjaya diijimatkan daripada dihantar ke tapak pelupusan sisa
- Lebih daripada 900 tan sisa yang berjaya diselamatkan daripada berakhir di tapak pelupusan sisa sejak 2009 sehingga 2019
- Lebih daripada 4,917,493 kg CO₂-eq pengurangan pembebasan karbon daripada pengurusan sisa dari 2009 sehingga 2019

Pengurusan sisa ubatan terpakai melalui *Safe Disposal of Unused Medications (Safe DUMP)*

- 824.55 kg ubatan terpakai yang berjaya dilupuskan dengan selamat
- 168.8 kg ubatan terpakai yang masih boleh digunakan

Penggunaan plastik sebagai bahan binaan melalui projek "*Recycled Plastic Aggregate as Replacement for Conventional Aggregates in Concrete*"

- 43.11m² keluasan liputan hijau
- 389.4 kg sisa berbahaya yang dikitar semula
- 389.4 kg bahan kitar semula (plastik)

Pengurusan air melalui *Water Warriors UM*

- 76,269 m³ air paip berjaya diijimatkan
- 15,0051 kg barangan kitar semula (plastik) yang berjaya ditukarkan kepada barangan bernilai
- 56,227 m² liputan hijau berjaya dibina dan dipelihara (*UM GreenBelt dan UM Wetland*)

Pengurusan tenaga melalui projek “Robust Smart Modular Electrical Energy Monitoring and Management System for Energy Saving”

- Pengurangan sebanyak 34% penggunaan tenaga bagi pencahayaan
- Pengurangan sebanyak 47.8% penggunaan tenaga bagi sistem penghawa dingin
- 5,503 kWh tenaga berjaya dijimatkan
- RM 2,751.00 penjimatan utiliti

*Data ini direkodkan bagi bangunan terpilih sahaja untuk tujuan penyelidikan.

Pengurusan pendidikan alam sekitar dan perubahan iklim melalui projek “Transforming the Role of Surau APIUM for Campus Sustainability - Ijarah Green Project”

- 137 m³ air paip berjaya dijimatkan
- 33 kg Bahan Kitar Semula yang berjaya ditukarkan kepada barangan berharga
- 21 m² liputan hijau berjaya dibina dan dipelihara
- 151 unit tumbuhan berjaya ditanam
- 2,504.9 kg tekstil dan pakaian lama yang dikitar semula
- 750.17 kg barangan kitar semula berjaya dikumpulkan

Pengurusan Sistem Pengangkutan melalui projek “Develop a Sustainable Transport System in Universiti Malaya Campus”

- 74kg atau 74 liter penjimatan petrol
- 694 km perjalanan yang dapat dielakkan oleh pengguna kenderaan

Pengurusan biodiversiti melalui projek “Eco-Slope: Slope Eco-Engineering Technique Towards Sustainable and Green Landscape”

- Peningkatan 50% liputan hijau bagi landskap cerun di UM (Fakulti Sains UM) sebagai langkah pemeliharaan cerun
- 100 m² kawasan liputan hijau berjaya dipelihara
- 170 pepohon renek yang berjaya ditanam

Pengurusan biodiversiti melalui The RIMBA Project

- 1,189,922 m² liputan hijau berjaya dibina dan dipelihara
- 13,077,240 kg CO₂-eq stok serapan karbon
- RM636,399.30 taksiran nilai aset hutan UM

Pengurusan biodiversiti melalui projek “Carbon Storage Mapping Initiative Through Real Time GPS Tracking & IoT Monitoring”

- 17,000 kg/m³ per pokok purata carbon sequestration setahun
- 5,000 kg per pokok purata serapan karbon (carbon storage) setahun
- 42% pokok di UM telah mencapai pertumbuhan optimum (melebihi usia 30 tahun)

Pengurusan biodiversiti melalui projek “Healthy Soil for a Healthy Environment: Reducing Dependency on Chemical Fertilizer Consumption in Universiti Malaya using Organic Materials”

- Penyediaan solusi pengurusan landskap lestari khususnya rawatan tanah, kompos organik dan biochar.
- Gabungan bahan kimia dan organik dilihat berjaya mengoptimumkan penggunaan setiap jenis baja dan mencapai pengurusan pertumbuhan tanaman yang bernutrien seimbang.




8.2 Infrastruktur Fizikal

Pembangunan infrastruktur fizikal UM telah dirancang dan dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) meskipun berdepan cabaran yang semakin meningkat saban tahun dengan peningkatan kos operasi dan sumber kewangan yang terhad. Walau bagaimanapun, situasi ini dapat diharungi dengan pelaksanaan perancangan yang berhemah berdasarkan keutamaan dan tahap kritikal sesuatu perancangan termasuk usaha-usaha lain dalam mendapatkan sokongan kewangan lain seperti permohonan Rancangan Malaysia (RMK)

Untuk projek pembangunan dan menaik taraf infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), siling peruntukan yang telah diluluskan di peringkat Kementerian bagi membiayai projek RMK11 adalah sebanyak RM97.8 juta. Bagi tahun 2019, UM telah menerima peruntukan sebanyak RM8 juta melalui Rolling Plan Keempat (RP4) sedia ada dan RM37 juta melalui RP4 baharu.

Berdasarkan Laporan Bulanan Prestasi Perbelanjaan mengikut projek sehingga 31 Disember 2019, jumlah perbelanjaan RMK11 (Rolling Plan Pertama, Rolling Plan Kedua, Rolling Plan Ketiga dan Rolling Plan Keempat yang sedia ada dan baharu) adalah sebanyak RM64 juta iaitu 65.4% daripada keseluruhan peruntukan manakala RM7.4 juta (92.5%) daripada peruntukan RP4 sedia ada dan RM8 juta (21.6%) daripada peruntukan RP4 baharu yang telah digunakan oleh UM.



Pengurusan Infrastruktur Fizikal

Pengurusan Elektrik

Budaya penjimatan tenaga elektrik dalam kalangan kampus komuniti diteruskan melalui aktiviti-aktiviti berikut:

- Pemantauan penggunaan tenaga elektrik di peringkat PTJ berdasarkan kepada bacaan meter-meter elektrik yang ada dalam kampus universiti dan juga bil-bil utiliti daripada Tenaga Nasional Berhad;
- Pelarasan semula terhadap perkakasan-perkakasan elektrik dan juga pada sistem mekanikal seperti sistem penyaman udara; dan
- Hebahan maklumat jumlah penggunaan tenaga elektrik kepada PTJ dan warga kampus dari semasa ke semasa

Hasil daripada aktiviti-aktiviti ini, UM telah berjaya membuat penjimatan tenaga sebanyak 6,772,610 KWh bersamaan dengan RM1,560,403. Ini menunjukkan penurunan penggunaan tenaga sebanyak 8.57% berbanding dengan nilai *baseline* bagi purata penggunaan tenaga bagi tahun 2016, 2017 dan 2018.

Pengurusan Sisa Pepejal

Zero Waste Campaign bertanggungjawab dalam menguruskan pembuangan sampah dari segi pengkomposan, pencernaan anaerobik, pemuliharaan tenaga dan kitar semula di pusat pembuangan sampah.

Pada tahun 2019, sejumlah 167,730.60 kg dapat dikumpulkan untuk dikitar semula. Sampah kitar semula yang dikumpul terbahagi kepada sisa makanan yang dikompos, sisa makanan yang dicerna, sisa tanaman yang dikompos, sisa tekstil yang dikitar semula, sisa kayu untuk penjana tenaga dan barangan lain yang boleh dikitar semula.

Pelupusan Sisa dan Sanitari

Mulai 2019, pengurusan buangan terjadual diselaraskan oleh pegawai sains, penolong pegawai sains, penolong jurutera dan pembantu makmal yang dilantik di PTJ terlibat. Pelupusan buangan terjadual kimia dilakukan mengikut perancangan setiap satu hingga tiga bulan manakala buangan terjadual klinikal dilupuskan pada setiap dua kali seminggu.

Ruang perkarangan bunker di Fakulti Sains telah digunakan bagi tujuan pembungkusan buangan terjadual sebelum dilupuskan di premis pelupusan berlesen yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar sementara menunggu stor berpusat buangan terjadual yang dijangka siap pada tahun 2021.

Landskap dan Pembersihan Kawasan



Pengurusan Harta



Pengurusan Kemudahan Kampus

Antara kerja-kerja menyelenggara dan membaik pulih prasarana yang dijalankan adalah:

Projek menggunakan Peruntukan RMK11

- Menaik taraf bumbung di Fakulti Kejuruteraan (Blok F,G dan K), Bangunan Peperiksaan, dan Blok Pangsapuri Seksyen 16, Rumah Kediaman Universiti;
- Menaik taraf longkang dan tebing dari tasik ke Sg. Anak Air Batu, Kolej Kediaman Kedua Belas.

Projek menggunakan Peruntukan Fakulti/Jawatankuasa Tindakan Kolej

- Membaik pulih dewan kuliah, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat;
- Membuka bumbung polycarbonate lama dan membekal serta memasang bumbung polycarbonate yang baharu di Blok B dan D, Kompleks Perdanasiswa;
- Pembersihan dan pembaikan struktur di Bangunan H10, Fakulti Ekonomi.

Projek menggunakan Peruntukan *One-Off* Kolej Dewan Asrama-Asrama

- Menaik taraf kafeteria termasuk kerja-kerja elektrik di Kolej Kediaman Keempat;
- Menurap jalan di kawasan tempat letak kenderaan di Kolej Kediaman Pertama, Kolej Kediaman Kedua dan Rumah Antarabangsa;
- Menaik taraf, penambahbaikan sistem pam kumbahan di kolej-kolej kediaman.

Pembangunan Sistem Mekanikal

Antara projek-projek berskala besar untuk menaik taraf sistem mekanikal yang dijalankan adalah:

- Projek menggunakan Peruntukan RMK11
- Memasang, menaik taraf, dan menyelenggara sistem penyaman udara dan kerja-kerja berkaitan Fakulti Pergigian, Fakulti Perubatan, Fakulti Kejuruteraan dan Institut Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan (IPPP);
- membekal, memasang dan menaik taraf empat unit sistem lif penumpang dan kerja-kerja berkaitan di Makmal Kemahiran Klinik Fakulti Perubatan, Perpustakaan Utama serta Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat;
- memasang sistem *Automatic Rescue Device* (ARD) pada lima unit lif sedia ada;
- menaik taraf dan menambah baik sistem pencegah kebakaran jenis MicroP dan sistem alat bantu mula di Dewan Tunku Canselor, Pusat Kebudayaan dan Bangunan Bendahari Lama

- memasang, menaik taraf dan menambah baik sistem gas petroleum cecair;
- memasang, menaik taraf dan menambah baik sistem pencegah kebakaran dan kerja-kerja berkaitan notis daripada pihak Bomba;
- membekal, memasang dan menaik taraf 11 unit sistem lif penumpang dan kerja-kerja berkaitan di Fakulti Pergigian, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan Kolej Kediaman Kedua Belas;
- memasang, menaik taraf, menambah baik dan menyelenggara sistem penyaman udara dan menjalankan kerja-kerja elektrik di Bangunan Peperiksaan, Institut Pengajian Termaju, Akademi Pengajian Melayu dan lain-lain PTJ.

Projek menggunakan Peruntukan *One-Off* Kolej Dewan Asrama-Asrama

- menaik taraf sistem sesalur udara *kitchen hood* di dapur Kolej Kediaman Ketiga;
- menaik taraf dan menyelenggara secara berkala bagi sistem pam kumbahan Kolej Kediaman Kesembilan dan Kolej Kediaman Kesepuluh;
- Menggantikan dan menaik taraf sistem pencegah kebakaran di Kolej Kediaman Kedua Belas;
- Memasang sistem penggera kebakaran untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) di Kolej Kediaman Ketujuh

Pengurusan Sukan

Mulai tahun 2019, Bahagian Kemudahan dan Perkhidmatan Sukan telah diletakkan di bawah kelolaan JPPHB. Pelbagai kejohanan telah dianjurkan sepanjang tahun 2019. Antaranya, penyertaan atlet UM di Karnival Futsal Wanita IPT, Softball IPT Lelaki & Wanita, Sukan MAKSWIP dan pelbagai lagi kejohanan sukan. Sebanyak RM400,000 telah dibelanjakan bagi memastikan pencapaian atlet UM kekal tahap yang terbaik.



8.3 Infrastruktur Teknologi Maklumat

Inisiatif Kampus Pintar yang dimulakan sejak tahun 2015 diteruskan pada tahun 2019. Projek-projek ICT yang dilaksanakan sepanjang tahun telah diselaraskan oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM) bagi menepati serta menyokong falsafah asas pewujudan inisiatif tersebut, dengan fokusnya bukan sekadar pada teknologi semata-mata malahan membawa kepada pertambahan nilai secara holistik.

Kekangan kewangan yang berterusan pada tahun 2019 tidak menjadi halangan bagi Universiti untuk melaksana aktiviti operasi secara berhemah dan meneruskan aktiviti inovasi dalam setiap perkhidmatan ICT Universiti. *Modus operandi* operasi yang menjadi teras amalan adalah pengoptimuman kos, penjimatan dan inovasi.

PTM telah melaksanakan aktiviti-aktiviti sebagai persediaan prasarana secara berperingkat bagi menyokong falsafah pembangunan Kampus Pintar.



Kategori Aktiviti

Peningkatan kapasiti dan prestasi infrastruktur ICT

Usaha-usaha untuk meningkatkan kapasiti dan prestasi infrastruktur ICT telah dilaksanakan:

Penyediaan sambungan gentian optik redundant yang menghubungkan semua segmen atau zon utama. Semua sambungan ini telah dihubungkan ke Bangunan Canseleri yang dijadikan *gateway* kedua internet UM.

Pembangunan Pusat Data 2 dengan kapasiti maksimum untuk menampung 30 unit rak server/rangkaian bersaiz 42U serta bakal dilengkapi dengan sistem kad akses pada setiap rak.

Pemasangan dua unit perkakasan *firewall* pada segmen ServerFarm di Pusat Data PTM bagi memenuhi sasaran ciri-ciri *High Availability* (HA).

Jumlah Kumulatif Pengguna WiFi
35,354 orang


Purata Bilangan Peranti yang Mengakses UM WiFi

- 9,230 peranti/hari
- 27,690 peranti/bulan

Perkhidmatan ICT yang mapan dan berdaya tahan

Pemantauan berterusan terhadap aktiviti serangan siber dan *malware*:

- Pemantauan trafik rangkaian untuk mengesan aktiviti muat turun filem, *games* dan muzik yang boleh mengganggu *bandwidth* rangkaian;
- Pelaksanaan Audit Keselamatan Teknologi Maklumat untuk mengurangkan risiko aset ICT dikompromi yang akan mengakibatkan pendedahan maklumat secara tidak sah, kehilangan data atau gangguan aset ICT;
- Pengendalian, pelaporan dan penyelesaian insiden keselamatan ICT yang dilaporkan diambil tindakan pemulihan dalam tempoh lima (5) hari bekerja.



Pengurangan jumlah ancaman sehingga 99% pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2015

Penaiktarafan dan peningkatan kemudahan sistem penyampaian perkhidmatan



Sistem pengesanan perjalanan kenderaan menggunakan teknologi Global Positioning System (GPS) untuk memudahkan pelajar dan staf mengetahui lokasi kenderaan tersebut

Bus Tracking v2 dan Vehicle Tracking System

Melalui Boost, Touch 'n Go, MayBank, QRPay, GrabPay

Transaksi Cashless melalui eWallet

Platform sumbangan atas talian untuk para alumni UM

Giving2U

Sistem secara bidaan dalam talian (*online bidding*)

Sistem Penjualan Nombor Kenderaan Khas UM

Portal baharu yang membolehkan perancangan belanjawan di peringkat PTJ dan kelulusan dibuat secara atas talian

First - Modul Bajet

Platform berpusat untuk pelbagai jenis pembayaran dalam talian

ePay



Inisiatif Kampus Pintar UM

Platform sumbangan kewangan dalam talian khusus untuk tujuan memastikan kelestarian kewangan Universiti

Platform for Endowment

Penambahbaikan Sistem Smart Card di Pejabat Keselamatan

Pengimbasan kod QR menggunakan aplikasi UM Touch bagi urusan

QR (Quick Response) Code for eLearning SPeCTRUM

Central Web Content Management Platform

Pembangunan laman web secara berpusat dan kandungan web diuruskan oleh webmaster setiap PTJ

Central API Server for Data Exchange between Systems

Mekanisma standard bagi tujuan perkongsian data dari pangkalan data yang berbeza

Central News Server

Perkhidmatan penyebaran berita dalam talian kepada warga UM (pelajar dan staf) secara automatik dari enjin pusat merentasi aplikasi mudah alih dan portal

UM Touch

Aplikasi mudah alih yang menyediakan kemudahan capaian alternatif kepada fungsi-fungsi yang disediakan dalam portal web sedia ada

Virtual Matric Card

Alternatif kepada kad matrik fizikal yang sedia ada. Kad matrik maya ini dapat diakses melalui aplikasi UM Touch

Penaiktarafan infrastruktur pengajaran dan pembelajaran *online* bagi menyokong konsep *Smart Education*



eLearning Week

Mod pengajaran dan pembelajaran eLearning sepenuhnya dengan menggunakan SPeCTRUM telah diaktifkan bermula 19 September 2019 selama seminggu ekoran dari peristiwa jerebu yang melanda negara.

Online Distance Learning (ODL)

Bahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) disesuaikan dengan konsep ODL seperti pembelajaran berpandu yang akan melibatkan rakaman video atau *narrated PowerPoint slides* serta perbincangan secara langsung dalam talian (forum, skype atau FB Live).

Ini merupakan persediaan bagi penawaran program Sarjana Kesihatan Awam secara ODL sepenuhnya oleh Fakulti Perubatan mulai September 2021.

Peningkatan aktiviti inovasi bagi tujuan menambah baik kaedah pengurusan sumber

Projek *Smart Energy Monitoring*

Fokus utama projek ini adalah untuk mewujudkan proses pemantauan penggunaan elektrik dan membuat perbandingan penjimatan elektrik selepas penukaran kepada lampu jenis LED.

Projek Kolaborasi PTM dengan Industri/ Agensi Luar

Syarikat MIMOS Berhad


pelaksanaan *License Plate Recognition Platform* dan *A Wireless Multi-radio Mesh Broadband Infrastructure Appliance Integrated with Multi-protocol Broadband Connectivity and Sensory System*

Syarikat DNSVault Sdn. Bhd.

DNSVault Intelligence Threat Protection in Real Environment

Syarikat Tinselworks Sdn. Bhd.

Pengautomasian proses penghantaran data dari *sensor ke dashboard*



Perkhidmatan guna sama dan nilai tambah

Aktiviti Multimedia

- Rakaman *webcast* syarahan perdana dan umum
- Perkhidmatan *multi-camera production*
- Pembangunan kandungan pengajaran dan pembelajaran dalam format video
- Rakaman studio dan rakaman video pengajaran dan pembelajaran di dewan kuliah, bilik pemeriksaan klinik dan dewan bedah
- Perkhidmatan *video conferencing* e-kuliah dan *live telecast* persidangan;
- Bantuan teknikal, latihan dan khidmat nasihat penggunaan peralatan multimedia kepada staf di PTJ

Perisian untuk Pengajaran dan Pembelajaran

- Lesen yang tidak terhad (MATLAB, Mathematica, Turnitin, SAS, Endnote)
- Lesen terhad (SPSS, Eviews, Amos)

Perkongsian Teknologi Terkini

- Exclusive MATLAB Session – “Demystifying Deep Learning” MathWorks
- SAS TRAINING - SAS® Enterprise Guide® 1: Querying and Reporting
- Microsoft Office Specialist Certification (MOSC) bagi Warga PTM
- ARGIS (Apply Geography to Every Decision)






09 | PEMBANGUNAN KOLEKSI

9.1 Koleksi Perpustakaan


Secara keseluruhannya, sebanyak 16,263 judul (21,008 naskah) bahan telah ditambahkan dalam koleksi perpustakaan pada tahun 2019. Jumlah ini meliputi bahan bercetak, bukan bercetak dan bahan digital yang terdapat di seluruh rangkaian Perpustakaan Universiti Malaya menjadikan jumlah keseluruhan koleksi meningkat kepada kira-kira 2.37 juta iaitu kenaikan sebanyak 8.63% dari tahun 2018 (2.18 juta).

RM8,925,178.53 telah dibelanjakan bagi menampung kos langganan pangkalan data (RM8.2 juta) dan perolehan buku (RM895,200.00) pada tahun tersebut.

Koleksi Perpustakaan 2,373,639 bahan



Sehingga kini, terdapat 45,825 objek digital berbanding 40,579 objek digital pada tahun 2018 (kenaikan sebanyak 12.92%) boleh diakses melalui empat (4) repositori di laman web perpustakaan:






9.2 Perkhidmatan Pengguna


Pengguna berdaftar dengan perpustakaan adalah seramai 34,641 orang meliputi kakitangan akademik, pelajar, pegawai universiti, pesara serta alumni. Transaksi pinjaman yang direkodkan sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak 106,233 dengan 43,082 bahan telah dirujuk di dalam premis perpustakaan. Seramai 1,807 pelawat telah mengunjungi Perpustakaan yang terdiri daripada 88 institusi pelbagai kategori, tempatan dan luar Negara.

Statistik Pengguna dan Transaksi Pinjaman di Perpustakaan



Kapasiti capaian kepada koleksi dan perkhidmatan perpustakaan telah ditingkatkan dengan penaiktarafan laman web Perpustakaan yang dilancarkan pada 13 Disember 2019. Sebanyak 8,675 pelawat telah mengunjungi laman web perpustakaan, *page views* sebanyak 24.61 ribu dan 12.77 ribu sesi.

Trafik Laman Web Perpustakaan



Pada 21 Ogos 2019, Perpustakaan telah berjaya menubuhkan Makmal Pengawetan yang menjalankan kerja-kerja pengenyahan asid dan pembaikan tisu menggunakan kaedah kering atau basah pada bahan manuskrip simpanan Perpustakaan. Sehingga akhir tahun 2019 sebanyak 711 helai (10 buku) telah berjaya diawet dengan anggaran nilai RM35,550.00 kos yang perlu dibelanjakan sekiranya dihantar awet di luar.

9.3 Pameran Seni

Sepanjang 2019, 19 pameran termasuk dua pameran tetap yang diadakan oleh Galeri Seni UM telah berjaya menarik kunjungan seramai 28,964 pelawat manakala Muzium Seni Asia pula telah mengadakan 10 pameran dan aktiviti. Antara pameran yang berimpak adalah:

Recollection of Nipah Virus Encephalitis Outbreak: 20 Years After – A Photography Exhibition

Pameran ini memberi tumpuan pada saat-saat yang membawa kepada penemuan Virus Nipah dan kawalan wabak pada tahun 1999 di Malaysia. Pameran ini merupakan satu percubaan berani pihak Galeri Seni UM dalam menyampaikan mesej berat yang mana menggabungkan topik perubahan, sains dan visual komunikasi di bawah satu bumbung. Tujuan pameran ini adalah untuk mendidik dan membetulkan persepsi dan kepercayaan masyarakat mengenai asal usul dan cara penyebaran virus ini.



The People Next Door – A Photography Exhibition

Pameran yang bersifat konvensional yang meneroka definisi 'jiran' atau dalam konteks ini merupakan Orang Asal Malaysia atau Orang Asli yang tinggal di POS Kemar, Perak. Pameran ini bertujuan menyebarkan kesedaran mengenai Orang Asli yang sering terpinggir daripada kemodenan dunia dan perubahan teknologi, kekurangan pendidikan formal dan lain-lain lagi. Pameran ini juga merupakan salah satu projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang mana hasil jualan semua fotografi disalurkan kepada komuniti Orang Asli POS Kemar bagi menampung pendidikan Bahasa Inggeris dan projek kitar semula.



Pameran Topeng Mahmeri Unmasked Ma (II) Digital Ethos

Sebanyak 30 buah topeng atau MOYANG Orang Asli dipamerkan dalam pameran ini.



Pameran Early Collection of Museum of Asian Art 1954-1956



Pameran Arkeologi: Sejarah di Asia Tenggara



A close-up photograph of a person's hands working at a desk. The person is wearing a blue shirt and is using a black pen to write on a document. The document features several financial charts, including a bar chart with blue and orange bars, a pie chart, and a line graph. To the left of the person's hands is a black and silver calculator. In the background, another person's hands are visible, holding a white tablet and a white pen. The scene is brightly lit, suggesting an office or business environment.

10 | KEWANGAN

10.1 Prestasi dan Laporan Kewangan Keseluruhan

Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019 telah disediakan selaras dengan keperluan yang dinyatakan melalui PA 3.1 - Garis Panduan Untuk Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Penyata Kewangan Universiti Malaya adalah merangkumi komponen berikut:

- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Pendapatan Komprehensif
- Penyata Perubahan dalam Kumpulanwang
- Penyata Aliran Tunai

Penyata Kewangan UM merupakan penyatuan dua entiti iaitu UM dan UM Holding Sdn. Bhd. (200101031070 (566829-U)) yang merupakan anak syarikat milik penuh UM. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang telah menggariskan kemampunan kewangan sebagai salah satu lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar, Penyata Kewangan yang berakhir 31 Disember 2019 menunjukkan UM kini terarah kepada pengurangan kebergantungan pada sumber kerajaan dengan cara meningkatkan hasil dari sumber-sumber lain.

10.2 Prestasi dan Keupayaan Kewangan

Secara keseluruhannya, UM telah menguruskan operasi 2019 seperti yang dirancang dengan merekodkan lebih pendapatan bersih bagi tahun 2019 berbanding tahun 2018.


UM telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima Sijil Bersih daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Universiti Malaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Belanjawan merupakan perancangan kewangan bertujuan untuk melaksanakan dasar tertentu di mana perbelanjaan dijeniskan mengikut kategori seperti emolumen, perkhidmatan & bekalan, pemberian & bayaran kenaan tetap serta perbelanjaan lain untuk mencapai objektif agensi. Belanjawan Mengurus telah dirangka agar berupaya menampung keperluan asas operasi tahunan meliputi pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran Universiti. Belanjawan dirangka untuk memastikan tahap penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan baik.

Belanjawan tahun 2019 adalah ke arah meningkatkan sumber-sumber dana tambahan kepada Universiti dan mengoptimumkan sumber. Strategi ini selari dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan perbelanjaan awam dilakukan secara berhemah dan sumber yang ada digunakan secara optimum.

Rekod terimaan Geran Kerajaan bagi Perbelanjaan Mengurus tahun 2019 mengalami peningkatan sebanyak RM 25,641,66 (5.1%) berbanding tahun 2018. Namun, jumlah ini masih rendah berbanding tahun 2015 iaitu dengan penurunan sebanyak RM 59,349,479 (10.2%).





Kedudukan terimaan Geran Kerajaan daripada tahun 2015 hingga 2019

10.3 Kedudukan Kewangan

Universiti Malaya telah merekodkan akaun bagi tahun berakhir 2019 dengan lebih bersih sebanyak RM56,730,391 berbanding kurangan bersih sebanyak RM57,494,186 yang direkodkan pada tahun 2018. Jumlah lebih bersih ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM 114,224,577 (198.7%) daripada kurangan bersih pada tahun sebelumnya. Hal ini disebabkan oleh pengurangan dalam perbelanjaan serta peningkatan dalam pendapatan UM.

10.3.1 Pendapatan


Pendapatan UM yang diperoleh adalah sebanyak RM1,206,858,106 bagi tahun 2019 berbanding RM1,158,594,407 bagi tahun 2018. Ini menunjukkan telah berlaku peningkatan sebanyak RM48,263,699 (4.2%) pada hasil yang diperoleh oleh UM pada tahun 2018. Sumber pendapatan yang diperoleh UM termasuklah geran kerajaan, pelaburan, hasil yuran, anak syarikat dan juga pendapatan lain. Peratusan terbesar pendapatan yang diterima UM adalah daripada geran kerajaan iaitu sebanyak RM630,294,975 (52.2%) daripada jumlah keseluruhan pendapatan yang direkodkan. Namun begitu, kebergantungan pendapatan daripada geran tersebut semakin berkurangan pada tahun 2019 berbanding 55.1% daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2018, hasil daripada peningkatan pendapatan selain dari geran kerajaan sebanyak RM55,784,441 (10.7%).



Pendapatan UM pada tahun 2019 (mengikut kategori)

Sumber pendapatan bagi Universiti adalah terdiri daripada geran Kerajaan, yuran pelajar, pendapatan pelaburan, pemberian penyelidikan, sumbangan dan perkhidmatan perubatan.

Peningkatan beberapa kategori pendapatan menjadi faktor peningkatan pendapatan tahun 2019 berbanding tahun 2020. Ini termasuklah peningkatan dalam Geran Kerajaan sebanyak RM25,641,666 (5.1%), Yuran sebanyak RM24,550,619 (13.3%) dan Perkhidmatan Perubatan sebanyak RM24,620,673 (14.8%).




Perbandingan pendapatan UM (mengikut kategori) antara tahun 2018 dan 2019

10.3.2 Perbelanjaan

Sebanyak RM1,145,286,236 telah dibelanjakan oleh UM tidak termasuk cukai, agihan syarikat bersekutu dan kepentingan bukan kawalan pada tahun 2019 berbanding RM1,213,147,458 pada tahun 2018 di mana pengurangan sebanyak RM67,861,222 (5.6%) telah direkodkan.

Perbelanjaan yang tertinggi dibiayai oleh UM adalah daripada kategori gaji dan elaun. UM telah membelanjakan sejumlah RM549,289,513 (48.0%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pada tahun 2019 bagi membayar gaji dan elaun staf yang berkhidmat di UM. Jenis perbelanjaan lain adalah seperti perjalanan, bekalan dan bahan-bahan, penyelenggaraan dan pembaikan, lain-lain perkhidmatan yang dibeli dan perbelanjaan lain.


PERBELANJAAN UM 2019



Perbelanjaan UM pada tahun 2019 (mengikut kategori)



Perbandingan perbelanjaan UM (mengikut kategori) antara tahun 2018 dan 2019




Statistik/Analisa Pendapatan dan Perbelanjaan UM daripada tahun 2015 hingga 2019

10.3.3 Aset dan Liabiliti

Jumlah Aset Bukan Semasa pada tahun 2019 adalah sebanyak RM1,353,137,230 berbanding dengan RM1,417,408,801 pada tahun 2018, penurunan sebanyak RM64,271,571 (4.5%). Jumlah Aset Semasa pada tahun 2019 adalah sebanyak RM1,366,845,665 berbanding dengan RM1,270,086,324 pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM96,759,341 (7.6%). Liabiliti Semasa pada tahun 2019 adalah sebanyak RM306,576,185 berbanding dengan RM288,037,592 pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM18,538,593 (6.4%). Secara keseluruhannya, Aset Semasa Bersih Universiti pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak RM78,220,748 (8.0%).

10.3.4 Ekuiti

Segala perbelanjaan operasi UM dibiayai oleh Kumpulanwang yang berjumlah RM2,398,492,808. Terdapat 10 Kumpulanwang yang mempunyai fungsi tertentu yang terdiri daripada Kumpulangwang Mengurus, Pembangunan Modal, Pinjaman, Biasiswa dan Hadiah, Bantuan Terus, Bangunan, Derma, Penyelidikan, Asrama dan Amanah mengikut pecahan Kumpulanwang.



Kumpulanwang UM pada tahun 2019



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Malaya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 Universiti Malaya dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Kumpulanwang serta Penyata Aliran Tunai Universiti Malaya dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 47, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Akta Universiti Malaya 1961, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta Perlembagaan Universiti Malaya.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaya dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Akta Universiti Malaya 1961, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta Perlembagaan Universiti Malaya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaya dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaya dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaya atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti Malaya 1961, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta Perlembagaan Universiti Malaya, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Universiti Malaya 1961, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta Perlembagaan Universiti Malaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA



PUTRAJAYA
21 SEPTEMBER 2020



**CERTIFICATE OF THE AUDITOR GENERAL
ON THE FINANCIAL STATEMENTS OF
UNIVERSITY OF MALAYA
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2019**

Certificate on the Audit of the Financial Statements

Opinion

The financial statements of the University Of Malaya which comprise the Statement of Financial Position as at 31 December 2019 of the Group and of the University of Malaya and Statement of Comprehensive Income, Statement of Changes in Funds and Statement of Cash Flows of the Group and of the University of Malaya for the year then ended, and notes to the financial statements, including a summary of significant accounting policies, as set out on pages 1 to 47, have been audited by my representative.

In my opinion, the accompanying financial statements give a true and fair view of the financial position of the Group and of the University of Malaya as at 31 December 2019, and of their financial performance and their cash flows for the year then ended in accordance with the Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS), University of Malaya Act 1961, Universities and University Colleges Act 1971 and Constitution of the University of Malaya.

Basis for Opinion

